

## SIMBOL TRANSKRIPSI

<u>Simbol</u>	<u>Kegunaan</u>
[teks]	menunjukkan titik permulaan dan pengakhiran komponen ujaran yang bertindan
(.)	menandakan jeda singkat
°	menunjukkan bisikan atau suara yang perlahan
HURUF BESAR	menandakan pekikan atau nada yang meningkat
<u>Garisan</u> <u>bawah</u>	menandakan penutur sedang menegaskan sesuatu
-	menandakan berlakunya gangguan yang mendadak
:::	menandakan pemanjangan bunyi
(xxx)	menunjukkan ujaran yang tidak jelas atau tidak dapat dikenalpasti
(( <i>teks italik</i> ))	merujuk kepada nota tambahan / aktiviti bukan verbal

(Berdasarkan konvensyen transkripsi Jefferson (1984) dan disesuaikan mengikut keperluan kajian ini)

## TRANSKRIPSI 1

Tarikh : 18 Ogos 2009  
 Peserta : Pensyarah (L1)  
 12 pelajar (S) – [4 Pelajar Cina (SC) & 8 Pelajar India (SI)]  
 Kelas : JKP  
 Lokasi : Bilik MS

- 
- 1 L1 : Keamanan, ya, keamanan dan (.) betullah kita nak kata keamanan. ←SP1  
 2<sub>QT</sub> **Walaupun contoh dalam negara yang membangun, yang maju**  
 3 **dan yang kaya, betul?**  
 4<sub>QB</sub> **Memang macam semua sekarang yang ada di dunia sekarang ini (.)**  
 5 **sering apa?**  
 6<sub>QT</sub> Ah::: nak berperang, kan?  
 7<sub>QB</sub> **Nak cari apa?**  
 8 Seperti-  
 9 S : Harta.  
 10 L1 : Ah::: dan lain-lain.  
 11<sub>QT</sub> L1 : **Adakah kamu rasa selamat?** ←SP2  
 12 S : Tak.  
 13 L1 : Yang seterusnya perkara status manusia. Status manusia ini ←SP3  
 14 (.) manusia ini pun ada statusnya. Statusnya berbeza dengan  
 15 manu (.) ah::: berbeza dengan mahluk-mahluk lain, binatang, ya.  
 16 Binatang ia buat apa pun, kita tak menghukumkan ia bersalah.  
 17<sub>QT</sub> **Ada dijumpa binatang bersalah dan ia dibawa ke mahkamah?**  
 18<sub>QT</sub> **Ayam yang bergerak merata-rata (.) kita boleh menjatuhkan**  
 19 **hukuman ia bersalah ke tidak?** Manusia saja yang khas.  
 20 S : Kita makan dia. ((*ketawa*))  
 21 L1 : **Hah, makan?**  
 22 Nilaikan saja, ya.  
 23 L1 : *So* kita kena pandai jaga-jaga sebagai manusia, supaya tidak ←SP4  
 24 dihukumkan.  
 25 SC (1) : Tidak menja:::menjatuhkan maruah manusia.  
 26 L1 : Jadi kita tahulah, kepada perkara yang buruk, kita boleh (.) kalau kita  
 27 melakukan perkara yang buruk atau perkara yang kita katakan jenayah,  
 28 kita akan dihukum.  
 29 L1 : Ok, baik. Kita nak masuk ke konsep akhlak, kemoralan, ←SP5  
 30 pendidikan ataupun kepercayaan.  
 31<sub>QT</sub> **Boleh saya nak kamu melaporkan?**  
 32 Ya, kamu terangkan apakah yang dinyatakan akhlak, kemoralan  
 33 dan ah::: pendidikan moral, konsep agama dan (.) kepercayaan. Jadi  
 34 kamu kena terangkan perkara semua, ya.  
 35 ((*Pelajar-pelajar Kumpulan 1 keluar membuat pembentangan*))  
 36 SI (2) : Kami nak bentangkan konsep akhlak, ya, ah::: daripada ←SP6  
 37 kefahaman saya, perkara yang dikatakan akhlak, perkara  
 38 selalu merujuk kepada perlakuan.  
 39 ((*Sebilangan pelajar berbisik-bisik di belakang*))  
 40 SI (1) : Eh, *EXCUSE ME. Please pay attention, ok.*  
 41 SI (2) : Merujuk kepada perlakuan, ah::: watak dan ataupun gerak- ←SP7  
 42 geri seseorang diri yang dia hendak macam mana ia menuntut.  
 43 SI (3) : ((*Angkat tangan*)) Kelakuan itu boleh berubah mengikut perubahan  
 44 masa, tempat dan keadaan.

- 45 SI (2) : Ah::: sebenarnya betul juga cakap saudara kita.
- 46 SI (2) : Pada masa kini, kita ambil contoh para remaja. Pada kini, ←SP8
- 47 para remaja kita boleh nilai terus ah::: remaja sekarang ini,
- 48 tidak kira perempuan atau lelaki memang teruk. Diorang banyak
- 49 *problem*. Masa belajar sudah merokok, berminum, di sekolah pun (.)
- 50 menggunakan kata-kata (.) kasar.
- 51 SI (4) : Ini ini semua sebenarnya terapan atau latar pengaruh yang terbiar saja,
- 52 terutama yang terbiar saja.
- 53 SI (2) : Kita boleh mendapat bawaha sumber (.) kepada perosak ←SP9
- 54 akhlak ini. Kita boleh (.) Perkara sumberlah, ialah perangai
- 55 ibu bapa. Ibu bapa bermaksud di sini, dia selalu macam menjaga
- 56 kedai mereka, yang menitik berat masa depan merekalah, yang sibuk
- 57 mencari duit. Peranan mereka itu telah rosak kerana tidak memberi
- 58 perhatian yang baik kepada anak-anak mereka.
- 59 SI (4) : Ini ini merupakan punca utama kerana anak-anak tidak menghormati
- 60 ibu bapa kita. Ini juga menunjukkan anak-anak kurang rasa
- 61 hormat kerana tidak dapat meluang (.) ibu bapa tidak meluangkan
- 62 masa kepada anak-anak mereka.
- 63 L1 : Jadi itu peri soal yang mengatakan ibu bapa harus memainkan
- 64 peranan yang penting. Ok.
- 65 SI (2) : Sekian, terima kasih. ←SP10
- 66 ((*Pelajar-pelajar memberi tepukan*))
- 67 SC (2) : *Too fast lah.*
- 68<sub>QT</sub> SI (3) : **Question ah?** ←SP11
- 69 ((*Pelajar-pelajar senyap*))
- 70<sub>QT</sub> L1 : Ah::: **tak ada ke?**
- 71 S : Tak ada.
- 72 L1 : Ok, seterusnya kumpulan (.) ah::: konsep kemoralan. ←SP12
- 73 Bagus. Tolong beri perhatian.
- 74<sub>QB</sub> S : **Siapa?**
- 75 SC (2) : Kita.
- 76 ((*Pelajar-pelajar Kumpulan 2 keluar*))
- 77 SC (2) : Selamat pagi kepada *lecturer* dan kawan-kawan sekalian. ←SP13
- 78 Kumpulan kami (.) membentangkan tentang konsep
- 79 kemoralan, iaitu adat resam. Masyarakat mempunyai adat
- 80 resam dan tatasusila dan peraturannya sendiri. Contohnya (.) ah:::
- 81 cara pemakaian. Cara pemakaian orang-orang Melayu dan juga
- 82 pemakaian orang Cina sendiri. Contoh India ada ini (.) kain sari,
- 83 (xxx), masa musim perayaan orang Cina pun ada pakai chongsum
- 84 dan samfu.
- 85 SC (3) : Ah::: selepas itu (.) selain dari itu, ah::: konsep ←SP14
- 86 kemoralan termasuklah kemurnian, iaitu ah::: sikap amanah
- 87 dan kejujuran, kesucian, macam sayalah. Lepas itu, ah:::contoh
- 88 ialah (.)jika majoriti kita mempunyai *assignment* ah::: yang perlu
- 89 disiap dalam masa yang ditentukan (.) kita perlu menghantarnya
- 90 lebih awal atau pada hari yang ditetap (.) yang ditetapkan.
- 91<sub>QT</sub> Ok, **faham?**
- 92<sub>QT</sub> **Faham?**
- 93 S : Tak faham.
- 94 SC (3) : Ok ok (.) ah::: saya beri contoh kejujuran ialah, ah::: kejujuran-
- 95 S : ((*Angkat tangan*)) Bagi contoh.
- 96 SC (4) : Macam bila kamu jalan ke bawah, kamu jumpa dompet, ←SP15
- 97 macam Sarsi punya, kamu masuk dalam poket.
- 98 Masa turun, angkat, pergi. ((*sambil berlakon*))
- 99<sub>QT</sub> **Betul ke tak?**
- 100 ((*Pelajar-pelajar ketawa*))

101 <sub>QB</sub>	L1	: <b>So, contoh yang bermoral macam mana?</b>	←SP16
102	SC (3)	: Contoh yang bermoral (.) ah::: contoh bermoral ialah	
103	S	: Amanah.	
104	SC (3)	: Ah amanah, jujur, yang mengikut peraturan yang telah ditetapkan di	
105		dunia inilah.	
106 <sub>QB</sub>	L1	: <b>Hah?</b>	
107	SC (3)	: Maksud di sini (.) yang membezakan baik dengan buruk.	
108 <sub>QB</sub>	SC (1)	: (( <i>Angkat tangan</i> )) <b>Apa yang dimaksudkan baik atau buruk?</b>	←SP17
109	SC (2)	: Macam 'Ultraman' baik, 'dinasor' sebagai buruk.	
110		(( <i>Pelajar-pelajar ketawa</i> ))	
111	SC (3)	: Itu saja. Sekian, terima kasih.	←SP18
112 <sub>QT</sub>	L1	: <b>Ya, ada soalan?</b>	←SP19
113 <sub>QT</sub>	SC (4)	: <b>Macam itu saja, kan?</b>	
114	S	: Yalah.	
115 <sub>QB</sub>	L1	: Ok, <b>apa dia garis panduan untuk membataskan kita tidak</b>	←SP20
116		<b>melakukan sesuatu yang tidak bermoral?</b>	
117 <sub>QB</sub>	SC (2)	: <b>Garis panduan?</b>	
118	L1	: Garis panduan yang menentukan sesuatu perkara itu bermoral ke tidak.	
119	SC (2)	: Oh (.) maksudnya macam contoh Sarsi dengan seorang perempuan India	
120		di tempat yang gelap.	
121 <sub>QB</sub>	L1	: <b>Kalau dia dengan kakak dia macam mana?</b>	←SP21
122	SC (2)	: Saya kira perempuan itu perempuan dialah.	
123	L1	: Jadi ini <i>guideline</i> saja. Sebagai garis panduan, yang bermoral ini,	
124		peraturan-peraturan yang dapat diterima oleh masyarakat.	
125	SC (1)	: Apa kata (.) setahu kita masyarakat yang tak samalah (.)	←SP22
126		ah::: remaja yang buruklah macam (.) dia anggap itu macam	
127		ah::: bunuh ialah seperti perbuatan yang baik.	
128 <sub>QB</sub>		<b>Bagaimana definisi?</b>	
129 <sub>QT</sub>	SC (2)	: <b>BUNUH ialah sesuatu perbuatan yang baik?</b>	←SP23
130	SC (1)	: Ah. Ada sekala-kalanya (.) anggap itu perbuatan yang baiklah, tapi dia	
131		tak tahu°.	
132 <sub>QT</sub>	SC (2)	: <b>Rema (.) remaja sekarang?</b>	
133 <sub>QB</sub>		<b>Siapa yang anggap sini <u>bunuh</u> itu perbuatan yang baik?</b>	
134		(( <i>Tiga orang pelajar yang duduk bersama-sama mengangkat tangan</i> ))	
135	SC (3)	: Semua anggap membunuh itu perbuatan yang jahat.	←SP24
136 <sub>QT</sub>		<b>Lepas itu (.) sekarang saya bunuh kamu, saya kira orang</b>	
137		<b>baiklah?</b>	
138		(( <i>Pelajar-pelajar ketawa</i> ))	
139	SC (2)	: Bagi, bagi pisau, saya boleh bunuh kamu.	←SP25
140	SC (1)	: Bukan, saya cakap, ada sesetengah bilangan kecil.	
141	SC (2)	: Oh, ada sesetengah.	
142	SC (1)	: Ah.	
143	SC (2)	: Itu, sebab dari kecil dia tidak dididik oleh ibu bapa.	←SP26
144	S	: Betul.	
145	SC (4)	: Dan kemungkinan dia sakit jiwa. Kurangnya-	←SP27
146	SC (3)	: Mental tidak betul.	
147	SI (2)	: Kurangnya pendidikan agama.	←SP28
148	SC (2)	: Ah.	
149 <sub>QT</sub>	SI (4)	: <b>Kalau tidak, kalau tidak mempertahankan diri, dia</b>	←SP29
150		<b>terkena, kan?</b>	
151	SC (2)	: Itu <u>mempertahankan diri</u> .	
152	SI (4)	: <i>Alright</i> °.	
153	SC (2)	: <u>Ah</u> .	
154 <sub>QT</sub>	SI (4)	: <b>Dia membunuh kerana mempertahankan diri, itu</b>	←SP30
155		<b>dianggap baik, kan?</b>	

- 156 SC (2) : Itu terbunuh, bukan membunuh. ((*ketawa*))
- 157 L1 : Ini macam apa yang kita cakap tadi, dalam dunia ←SP31
- 158 sekarang ini ada sesetengah masyarakat, iaitu, ah-
- 159 SC (1) : Ah (.) perbuatan yang kami anggap yang baik ialah anggap
- 160 baik kalau kita tetapkannya.
- 161 L1 : Jadi, itu ikut perkara ataupun dalam bentuk masyarakat dialah. Kalau
- 162 masyarakat dia boleh menerima itu sebagai perbuatan yang bermoralah.
- 163<sub>QB</sub> SC (2) : **Dalam semua agama masing-masing, ada (.) agama mana ←SP32**
- 164 **yang ajar kamu membunuh?**
- 165 SI (1) : Ajaran sesat.
- 166 SC (2) : Ah::: bagus. Itu penting.
- 167 SC (1) : Masyarakat yang jahil. ←SP33
- 168 S : Ya, ya.
- 169 SC(2) : Kalau dahulu, masih zaman jahiliah bolehlah. ←SP34
- 170 L1 : Ah, betul betul.
- 171<sub>QT</sub> L1 : **Tak ada soalan lagi ? ←SP35**
- 172 ((*Kebanyakan pelajar menggeleng kepala*))
- 173 L1 : Ok ok, macam tadi, memang ada yang kira membunuh itu ←SP36
- 174 perkara yang bermoral ataupun perkara itu mulia.
- 175 Contoh, ada sesetengah kepercayaan untuk mengadakan, ah::: satu
- 176 hari perayaan kita mungkin membuat pengorbanan. Jadi kalau dalam
- 177 pokok tu, dikira pengorbanan ini soal prinsip yang bermoral, yang
- 178 tidak salah, maknanya peraturan itu dianggap bolehlah.
- 179 SC (2) : Ya. *So conclusion he re* (.) selagi kamu berada di Malaysia, jangan
- 180 membunuh. Sekian, terima kasih.
- 181<sub>QB</sub> L1 : Ok. **Kumpulan seterusnya? ←SP37**
- 182 ((*Pelajar-pelajar Kumpulan 3 keluar*))
- 183 SI (1) : Selamat pagi saya ucapkan kepada rakan-rakan sekalian- ←SP38
- 184 S : Selamat pagi.
- 185 SI (1) : dan juga pensyarah. Kami akan ah::: membincangkan tentang konsep
- 186 pendidikan moral. Konsep pendidikan moral menekankan aspek-aspek
- 187 kerohanian manusia dan nilai-nilai murni. Ia (.) tumpuannya (.) konsep
- 188 pendidikan moral kepada banyak, khusus kepada pemupukan,
- 189 penghayatan dan amalan yang terdapat dalam agama. Penghayatan dan
- 190 amalan nilai murni yang terdapat (.) di sini dalam agama tradisi yang ada,
- 191 adat resam pelbagai kaum di Malaysia (.) dan juga sejajar dengan nilai
- 192 murni agama dan adat.
- 193<sub>QB</sub> SC (4) : ((*Angkat tangan*)) **Contoh? ←SP39**
- 194 SI (1) : Contohnya (.) macam (.) kita dapat menghayati adat resam kaum sendiri
- 195 dan juga kaum lain. Penghayatan itu maksudnya (.) penghayatan itu
- 196 bermaksud (.) kita semua (.) *take count of* semua agama yang ada, yang
- 197 terdapat di Malaysia. *And then* kita kena *follow-*
- 198 S : Nya.
- 199 SI (1) : Sejajar dengan semua agama dan bukan untuk kepentingan sesuatu pihak.
- 200<sub>QB</sub> SC (1) : ((*Angkat tangan*)) **Bagaimanakah untuk memupukkan ←SP40**
- 201 **penghayatan dan amalan nilai-nilai murni dapat ditonjolkan**
- 202<sub>QB</sub> **dalam agama tradisi dan adat resam dan bagaimana caranya?**
- 203 S : Woh:::
- 204 SI (6) : *Repeat repeat repeat.*
- 205 S : Yoo:::
- 206 SI (6) : *Repeat repeat.*
- 207<sub>QB</sub> SC (1) : **Bagaimanakah untuk memupukkan penghayatan dan**
- 208 **amalan nilai-nilai murni (.) dapat ditonjolkan dalam agama**
- 209<sub>QB</sub> **tradisi dan adat resam (.) dan terangkan juga bagaimana cara**
- 210 **untuk menegaskannya?**
- 211 SI (1) : Kita sebenarnya, ambil, ambil dari agama tradisi dan adat

- 212 resam tu, kita keluarkan nilai-nilai yang ada (.) ah kita buat  
 213 penghayatan semua daripada yang ada, yang ada dalam kaum-kaum kita.  
 214 Itu saja.
- 215<sub>QB</sub> SC (3) : **Penghayatan amalan daripada aspek apa?** ←SP41
- 216 SI (5) : Tentang konsep pendidikan moral adalah (.) ah (.) selain daripada ajaran  
 217 agama, ajaran dulu di sekolah rendah sehingga sekolah menengah dan  
 218 juga sekarang di politeknik, atau sehingga mungkin di universiti (.) *and*  
 219 *then* ajaran yang diterima itu semua betul (.) di Malaysia, apa yang  
 220 semasa kita budak-budak kecil orang ajar, bolehlah diaplikasikannya (.)  
 221 *and then, and then* juga daripada buku.
- 222<sub>QB</sub> SC (4) : **Buku apa tu?** ←SP42
- 223 SI (5) : Macam buku (.) buku teks pendidikan morallah.  
 224 SC (2) : Buku teks moral itu tak cukup. ←SP43
- 225 SI (1) : Tak, dia sekarang cakap sumber daripada buku.  
 226<sub>QB</sub> SI (2) : Tak ((*geleng kepala*)), **contoh?** ←SP44
- 227 SI (5) : Contoh itu, ah::: yalah, buku pendidikan morallah.  
 228<sub>QB</sub> SI (2) : **Contoh ajaran ibu bapa?** ←SP45
- 229 SI (5) : Ah::: macam (.) ibu bapa cakap (.) malam-malam  
 230 tak boleh keluar.
- 231<sub>QB</sub> SI (4) : **Apa kaitan dengan pendidikan moral di sini?** ←SP46
- 232 SI (5) : Yalah (.) ini pendidikan moral secara tidak formallah.  
 233 Pendidikan moral secara tidak formal adalah ajaran ibu bapa.  
 234 *Alright*. Penghayatan pendidikan moral ini boleh menolong  
 235 membentuk insan yang mulia dan bertanggungjawab  
 236 secara berterusan kepada masyarakat dan negara.
- 237<sub>QB</sub> SI (3) : **Bagaimana (.) cara (.) membentuk insan?** ←SP47
- 238<sub>QB</sub> SI (5) : **Hah?**
- 239<sub>QB</sub> SI (3) : **Bagaimana cara?**
- 240 SI (5) : Itulah, ah::: penghayatan dan penekanan pendidikan moral.
- 241<sub>QB</sub> SI (3) : **Apa itu moral insan yang dimaksudkan?** ←SP48
- 242 SI (5) : Bukan moral insan tapi insan yang mulia. Saya tak salah cakap.  
 243<sub>QT</sub> SI (3) : **Tak ada?** ←SP49
- 244 SI (5) : Dengar tu, dengar dengan jelas.  
 245 SC (2) : Ah ok ok (.) Tak mau gaduh.  
 246 SI (4) : Betul betul.
- 247 L1 : Sekarang (.) bagi mereka sambungkan pembentangannya. ←SP50
- 248 S : Ok.
- 249 SI (6) : Ya, ada lagi SIKIT.
- 250 SC (2) : *Alright alright*.
- 251 SI (6) : Nilai moral ini, kalau kita (.) memupuk dan menghayati ini ←SP51  
 252 konsep ini, pendidikan moral ini nilai-nilai murni.  
 253 Yang dapat membentuk (.) terdapat dalam komuniti, yang, yang-
- 254<sub>QB</sub> SC (3) : **Yang?**
- 255 SI (6) : Yang (.) yang ah::: yang bernilai moral.  
 256<sub>QT</sub> **Faham?**
- 257 SI (3) : Tak faham.
- 258 SI (6) : Dan membentuk insan yang mulia. ←SP52
- 259<sub>QB</sub> SC (2) : Oh, **mulia?**
- 260 SI (6) : Masyarakat (.) yang bertanggungjawab (.) Ini bererti *all the* ←SP53  
 261 *define-*
- 262<sub>QB</sub> SC (2) : **Contoh (.) contoh?** ←SP54
- 263<sub>QB</sub> SI (6) : **Contoh apa?**
- 264 SI (3) : Contoh tatasusila.  
 265 SI (6) : Ok, tatasusila ini°  
 266 ((*Pelajar-pelajar tiba-tiba ketawa*)) ←SP55

- 267 SI (6) : *I know I know* (.) saya tahu maksudnya, tatasusila (.) *the one*  
268 *we behave*.
- 269<sub>QT</sub> SC (2) : **Bahasa Melayu?** ←SP56  
270 Tak faham lah.
- 271<sub>QT</sub> SI (6) : Ah::: kelakuan kita, **faham?**  
272<sub>QT</sub> **Faham?**  
273<sub>QT</sub> **Ok?**
- 274 SC (2) : Ok ok.
- 275 SI (1) : Amalan pendidikan moral ini, ialah seperti masyarakat yang ←SP57  
276 mengikuti amalan dan nilai-nilai murni dalam pendidikan  
277 moral ini, ah::: kita boleh membentuk satu masyarakat yang(.)  
278 aman dan damai, yang berilmu, berakhlak tinggi.
- 279 SI (6) : Dan bermoral.
- 280 SC (2) : Ah::: bolehlah (.) ok ok ok.
- 281 SI (4) : Boleh boleh.
- 282 SI (3) : Ok ok, *enoughlah enoughlah*.
- 283<sub>QT</sub> SI (5) : **Ok, seperti yang saya kata tadi, insan yang mulia, right ?** ←SP58  
284 Hanya kefahaman berdasarkan konsep pendidikan moral  
285 saja boleh membentuk insan yang mulia atau orang yang  
286 mempraktikkannya saja boleh menjadi insan yang mulia.
- 287 SI (1) : Asalkan kita memahami. ←SP59
- 288<sub>QB</sub> SI (3) : **Memahami?**
- 289 SI (1) : Ya, kita memahami cukup. Kita boleh.
- 290<sub>QB</sub> SC (2) : **Jika kita tidak memahami?** ←SP60
- 291 SI (1) : Kita tidak memahami.
- 292 SI (3) : Ok ok ok, *enough enough*.
- 293<sub>QB</sub> SC (4) : **Kalau kita memahami tetapi tidak mempraktikkannya?** ←SP61
- 294 SI (5) : Ah yang itu tidak boleh, *so you have to* dua-dua.
- 295<sub>QB</sub> SC (2) : **Jika saya mempraktikkan tetapi tidak memahami?** ←SP62
- 296 SI (5) : EH *YOU* (.) kalau *you* boleh mempraktikkan, *you* mesti  
297 sudah faham (.)
- 298<sub>QB</sub> Ah::: **mana boleh you mempraktikkan tapi tak faham?**
- 299 SC (2) : Ok, ini cakap macam saya tolong itu, orang tua lalu (.) jalan ←SP63  
300 tapi saya tak faham untuk-
- 301<sub>QB</sub> SI (5) : **Mana boleh tak faham?**  
302<sub>QT</sub> **Itu pun tak boleh faham?**  
303 ((*Pelajar-pelajar ketawa*))
- 304 L1 : Ok, ok. Baik, berhenti di sini. Terima kasih. ←SP64
- 305 SI (1) : Ok, habis. Terima kasih.  
306 ((*Pelajar-pelajar memberi tepukan*))
- 307 L1 : Sekarang kita dengarkan (.) ya, kumpulan yang terakhir. ←SP65  
308 ((*Pelajar-pelajar Kumpulan 4 keluar*))
- 309 SI (7) : Selamat pagi kami ucapkan kepada semua. Tajuk yang kami ←SP66  
310 membincangkan hari ini ialah ah::: konsep agama. Ok. *First*  
311 *of all, we look at first*, apa itu agama.
- 312<sub>QB</sub> S : **Apa?**
- 313 S1 (7) : Ok. Agama ialah falsafah atau panduan hidup bagi setiap ←SP67  
314 manusia. Terdapat banyak agama, *as you know, like* Islam,  
315 Hindu, Buddist (.) Sikh, Kristian, Katolik, *lot of*, ah ah:::
- 316 SC (2) : BAHASA MELAYU. Kami tak faham, bahasa Melayu. ←SP68  
317 SI (7) : *So*, ia berbeza mengikut agama yang dianuti. *So* apa yang  
318 saya ingin menerangkan ialah, ah setiap agama, matlamatnya  
319 sama tetapi pendekatannya berbeza. Ok, contoh semua agama,  
320 ah membenarkan umatnya, sembahyang setiap hari, sentiasa. Tapi  
321 pendekatannya berbeza. Kalau kita ambil, contohnya agama Islam.  
322 Ah seseorang paling banyak 5 kali sehari (.) *five times a day. Actually*

- 323 ah (.) *twicelah*.
- 324 SI (1) : *Three, three:::*
- 325 SC (1) : *Twice, twice-lah.*
- 326 SI (7) : *Twice or three times.*
- 327 SC (2) : *EH, for Buddha one, only once.*
- 328 SI (7) : *So ia berbezalalah, tapi matlamat ini sama, ok. Semua agama*
- 329 *menggunakan pendekatan lain. Ok, ia mempunyai ajaran dan peraturan,*
- 330 *ah nilai-nilai dan sikap masing-masing, ok.*
- 331 SI (7) : *Second, ah (.) now i go to kepentingan agama. Agama (.) yes,* ←SP69
- 332 *jadi kita fikirlah,*
- 333<sub>QB</sub> ***what's for agama peraturan semua ada?***
- 334<sub>QT</sub> ***Kan?***
- 335<sub>QB</sub> SI (8) : ***Apakah kepentingan agama untuk diri kita dan semua masyarakat?***
- 336 SC (2) : *Yalah, minta jelaskan, bagi INFO.*
- 337 SI (7) : *Peraturan asal ini, ok(.) sekiranya kita, mengikut ah::: semua peraturan*
- 338 *dalam agama kita masing-masing dan saya mempercayai semua orang*
- 339 *boleh menjadi individu yang berakhlak mulia, ok ah so::: agama penting*
- 340 *untuk membentuk peribadi manusia, untuk menjadi umat yang bijak.*
- 341<sub>QB</sub> SI (8) : ***Bagaimana seseorang individu boleh menerapkan agama*** ←SP70
- 342 ***dalam kehidupan harian?***
- 343<sub>QB</sub> ***Bagaimana?***
- 344 *Soalan ini penting ya.*
- 345 SI (7) : *Ok, agama. kita boleh menerapkan nilai unsur-unsur agama masing-*
- 346 *masing dalam hidup, ok. That's follow peraturan. Apa yang terdapat*
- 347 *dalamnya. Contohnya ah::: kalau agama Hindu, kita tak boleh minum*
- 348 *arak.*
- 349<sub>QB</sub> S : ***Hah?*** ←SP71
- 350 SI (7) : *Actually cannot, but people do that.*
- 351 SC (2) : *EH, cakap bahasa Melayulah.* ←SP72
- 352 SI (7) : *Jika kita melanggar agama, ah::: kita akan mendapat hukuman,* ←SP73
- 353 *dunia akhirat, ok.*
- 354<sub>QB</sub> SC (2) : ***Contoh (.) contoh hukuman?*** ←SP74
- 355 SI (7) : *Ok ok. Contoh ah, seorang lelaki telah mendera seekor kucing. Mendera*
- 356 *kucing adalah salah, ok (.) ikut nilai moral, selain itu mengikut agama*
- 357 *pun salah.*
- 358 S : *Betul.*
- 359 SI (7) : *Dia tidak patut memukul atau mendera kucing. Mungkin dia itu tidak*
- 360 *terasa, tak ada orang lihat saya. Tetapi bila dia berniat, bila dia*
- 361 *melakukan perbuatan yang terkutuk itu, tapi (.) you must hear,*
- 362<sub>QT</sub> ***you got that?***
- 363 *God see it... Tuhan won't let. Ok. Kemudian-*
- 364 SI (1) : *Kita mendapat hukuman.*
- 365 SI (7) : *AH:::*
- 366 SC (2) : *Cantik cantik.*
- 367 SI (7) : *Dia akan dapat hukumannya. Kalau dia buat (.) mengikut* ←SP75
- 368 *pendapat saya, kalau dia buat ah::: kesalahan begini, ini boleh*
- 369 *dimaafkan tetapi kesalahan dia buat teruk, dia-*
- 370 SC (1) : *Mungkin dia (.) mungkin salah ikut ajaran, dia mungkin faham-*
- 371 L1 : *Dalam agama yang banyak ni, semua agama mesti ada* ←SP76
- 372 *peraturan. Semua agama mengarah kepada kebaikan.*
- 373 S : *Yes.*
- 374 S1 (7) : *Orang yang mencipta agama sesat ini, untuk kepentingannya* ←SP77
- 375 *diri sendiri actually. Dia manipulate (.) he wants to make sure*
- 376 *that he is like-*
- 377<sub>QB</sub> L1 : ***Kita sekarang ni membincangkan kepentingan agama,*** ←SP78
- 378 ***bagaimana untuk menerapkan?***



- 379 SC (2) : Dia buat banyak baik tapi kurang sembahyang. Ataupun dia buat baik  
380 tapi tak tahu konsep agama. Apa yang dia buat baik, dia dapat baiklah.  
381 S1(8) : Dalam soal agama itu, itu dia sendiri sukalah.  
382 ((*Pelajar-pelajar ketawa*))  
383 L1 : Ok ok.  
384<sub>QT</sub> S1 (8) : **Tak ada soalan?** ←SP79  
385 *Thank you.*  
386 ((*Pelajar-pelajar memberi tepukan*))  
387 L1 : Jadi ah::: dalam konsep akhlak, kemoralan, pendidikan moral, ←SP80  
388 agama dan kepercayaan (.) semua ini merumuskan kepada  
389 perkara-perkara yang patut kita lakukan. Kepada konsep akhlak, konsep  
390 akhlak ini lebih kepada agama Islam.  
391 L1 : Kemudian bagi konsep moral, macam saya telah terangkan ←SP81  
392 dan menjawab tadi, konsep moral ini perkara-perkara yang  
393 dikira yang diterima oleh masyarakat, kadang-kadang ada juga (.) ah  
394 sesetengah perkara ini dilakukan oleh masyarakat tetapi tidak dalam  
395 agama, dikira benda ni bersifat agama tak boleh buat, tapi dari segi  
396 masyarakat, boleh dilakukannya oleh masyarakat. Moral yang diterima  
397 oleh (.) masyarakat sahaja, tidak di dalam agama (.) ok.  
398 L1 : Dan pendidikan (.) konsep pendidikan moral ini, ok, ←SP82  
399 pendidikan moral (.) ini satu mata pelajaran, konsepnya  
400 untuk (.) menerapkan, memupuk kefahaman, memberi penghayatan  
401 kepada perkara nilai-nilai murni supaya orang boleh mempraktikkannya.  
402 Bukan sekadar tahu tetapi tidak buat. Tentang soal moral ini, kita tahu  
403 benda ini baik dan kita boleh mempraktikkannya.  
404 L1 : Dan konsep agama ini, yang mana (.) ←SP83  
405<sub>QT</sub> **anda semua ada agama, kan?**  
406 Ada ajaran dia. Bagi orang yang jika bermoral, dia ikut kepada ajaran  
407 agama dia. Dan saya percaya, setiap ajaran agama yang ada di negara ini,  
408 semua menjurus kepada perkara-perkara kebaikan. Kepada orang yang  
409 bermoral, ataupun orang yang patut berajaran, itu tujuan dialah.  
410 L1 : Maksudnya, banyak-banyak konsep yang ada, yang  
411 keempat-empat anda bentang tadi, semua untuk  
412 ke arah melakukan perbuatan yang bermoral, itu tujuan dia. Dan ada  
413 orang yang mengata tadi, yang ah::: apa (.) melakukan perkara-perkara  
414 baik tetapi dalam soal agama dia tak ikut pun,  
415<sub>QT</sub> **betul tadi kan?**  
416<sub>QT</sub> **Siapa katakan tadi ya?**  
417 L1 : Bagi orang yang tidak beragama itu, tapi dia buat baik, ←SP84  
418 ini antara dia dengan dunialah. Kalau dia buat baik,  
419 dia dapatlah (.) orang di dunia ini akan nampaklah, dia dapatlah balasan.  
420<sub>QT</sub> **Kalau dia buat baik orang akan puji dia, kan?**  
421<sub>QT</sub> **Ok?**  
422<sub>QT</sub> **Sekarang boleh faham?**  
423 ((*Sebahagian pelajar mengangguk*))  
424<sub>QT</sub> L1 : Ah::: **jadi setakat inilah, ya?** ←SP85  
425 Terima kasih semua, jumpa lagi.  
426 S : Terima kasih:::

---

\*Nota: Struktur Pertukaran (SP) merupakan langkah-langkah individu dalam memajukan sesuatu pelajaran di bilik darjah. Ia terdiri daripada inisiasi, respons dan maklum balas. (lihat Sinclair & Coulthard, 1975:21-56)

## TRANSKRIPSI 2

Tarikh : 24 Ogos 2009  
 Peserta : Pensyarah (L2)  
           11 pelajar (S) – [1 Pelajar Cina (SC) & 10 Pelajar India (SI)]  
 Kelas : JKA2  
 Lokasi : Bilik B16

- 1 L2 : Ok, selamat tengah hari dan selamat sejahtera. (.) ←SP1  
 2 Ni hao! ((Bahasa Mandarin))  
 3<sub>QT</sub> **Eppadi irukinge?** ((Bahasa Tamil))  
 4 SI : Ah::: Nalla iruken. Nalla [iruken]. ((Bahasa Tamil))  
 5 L2 : [Ok:::], ok, seperti mana yang dah saya janjikan, ah::: saya nak ←SP2  
 6 tunjukkan gambar, contoh bayi-bayi yang telah diklon. Jadi  
 7 sebelum kita masuk kepada pembentangan, ini adalah, apa yang  
 8 saya nak tunjukkan adalah (.) antara kesan kepada (.) perbuatan-  
 9 perbuatan manusia yang nak mencabar kuasa Tuhan, ok.  
 10<sub>QT</sub> **Nampak tak?** (.) ((menuding ke paparan skrin komputer))  
 11<sub>QT</sub> **Nampak?**  
 12 SI : Nampak, nampak.  
 13<sub>QB</sub> L2 : **Siapa tak nampak?**  
 14 ((Pelajar-pelajar senyap))  
 15<sub>QB</sub> L2 : **Ok, minggu lepas kita bincang tentang (.) bayi tabung uji,** ←SP3  
 16 **teknologi, dan (.) ada apa lagi?**  
 17 Klon. Ok, jadi, seperti mana yang saya dah janjikan, saya nak  
 18 tunjuk gambar, rupa paras bayi yang telah diklon oleh manusia,  
 19 semua untuk mencabar kuasa Tuhan, dengan cara manusia itu tidak  
 20 dilahirkan dengan proses kejadian yang biasa, melalui:::  
 21 S : Persetubuhan.  
 22 L2 : Persetubuhan, tetapi melalui proses klon, ok. Jadi ini adalah  
 23 antara paras rupa manusia.  
 24<sub>QT</sub> **Boleh nampak dengan elok?**  
 25 Inilah rupanya.  
 26<sub>QB</sub> **Macam mana?**  
 27 Manusia tu dia, daripada Tuhan jadikan kita dengan sepasang  
 28 mata yang cantik, mata dia menjadi di tengah-tengah, ah,  
 29 maknanya ia tidak mengalami proses yang sempurna.  
 30<sub>QT</sub> **Nampak ke?**  
 31 Kemudian gambar seterusnya. ←SP4  
 32<sub>QB</sub> **Bayi yang macam mana?**  
 33 Hidup mana dalam proses pengklonan tu terjadinya, kecacatan.  
 34 Cacat, ok. Mungkin er::: ketika ia nak (.) ovum itu nak membahagi,  
 35 ia jadi, mutasi. Ia mengalami mutasi yang menyebabkan,  
 36 pembahagian tadi jadi tak betul, jadi, ini adalah rupanya.  
 37 Ok, yang kemudian, yang seterusnya, ah, bayi terlebih besar.  
 38<sub>QB</sub> **Tengok rupa dia, macam mana?**  
 39<sub>QT</sub> **Adakah bayi yang hidupnya begini dia boleh bertahan lama?**  
 40 S : Tak.  
 41 L2 : Jangka hayat bayi yang dilahirkan bukan melalui proses (.) kejadian  
 42 manusia yang biasa, jangka hayatnya lebih singkat. Ok.  
 43 L2 : Kemudian yang seterusnya, ah ni, kepala yang telah berpisah ←SP5  
 44 dengan badan. Ok, kepala yang terpisah dengan badan. Inilah

45		adalah antara (.) tangan ya, tangan manusia tu, bayi itu dijadi, kepalanya	
46		membesar sebagai manusia yang biasa, tetapi tangan dan kakinya tu (.)	
47		tak berada di tempat yang sepatutnya macam kita hari ini. Jadi itu adalah	
48		antara, kerosakan yang dibuat oleh manusia, ok. Ah ni, samalah, bayi tu	
49		badannya terlebih besar, <i>and then</i> matanya satu, di tengah-tengah. Ok.	
50		Kita lihat macam sempurna tetapi, badannya tak badannya besar.	
51		Kaki dia (.) kecil. Ini adalah antara hasil daripada proses (.) pengklonan.	
52 <sub>QT</sub>	S	: <b>Ada yang <i>success</i>?</b>	
53 <sub>QB</sub>	L2	: <b>Hah?</b>	
54 <sub>QT</sub>	S	: <b>Ada yang <i>success</i>?</b>	
55	L2	: Saya tak pasti. Mungkin ada. Ada yang berjaya, tapi kebanyakannya	
56		mengalami <u>kecacatan</u> , ok (.) oklah. ( <i>Pensyarah meminta seorang pelajar memindahkan komputer ribanya ke meja pensyarah kemudian menulis perkataan 'Euthanasia' di papan putih</i> ))	
57	L2	: Ok, jadi, kita nak teruskan dengan pembentangan, hari ini	←SP6
58		kita masuk kepada satu tajuk yang baru, tajuk <u>Euthanasia</u> .	
59 <sub>QB</sub>		<b>Ok, siapa yang dari kumpulan pertama ya?</b>	
60		( <i>Dua orang pelajar India mengangkat tangan</i> ))	
61	L2	: Ah::: dah sampai.	
62	L2	: Ok, minggu lalu saya dah memberikan tugas kepada	←SP7
63		setiap kumpulan.	
64 <sub>QT</sub>		<b>Betul?</b>	
65 <sub>QT</sub>		<b>Adakah semua kumpulan dah bersedia?</b>	
66	S	: Ya.	
67	L2	: Ok.	
68	L2	: Jadi kita akan bincangkan tentang satu tajuk yang agak	←SP8
69		penting, berkenaan dengan <u>Euthanasia</u> .	
70 <sub>QB</sub>		<b>Apakah yang dimaksudkan dengan Euthanasia?</b>	
71		Ok, jadi saya mempersilakan, kumpulan pertama (.) ah- ( <i>Pelajar-pelajar memberi tepukan</i> ))	
72	L2	: membentang tajuk Euthanasia yang penting.	
73	L2	: Yang lain pun tolong bersedia, ya.	←SP9
74	S	: Ya. ( <i>Kumpulan pertama membuat persediaan pembentangan dengan memaparkan kertas-kertas mahjong yang siap tercatat isi-isi penting</i> ))	
75 <sub>QT</sub>	L2	: <b>Pernah tak kamu dengar perkataan Euthanasia sebelum ni?</b>	←SP10
76	S	: Pernah.	
77 <sub>QB</sub>	L2	: <b>Hah?</b>	
78	S	: Pernah.	
79 <sub>QT</sub>	L2	: <b>Pernah?</b>	
80 <sub>QT</sub>		<b>Berapa orang?</b>	
81 <sub>QT</sub>		<b>Angkat tangan, siapa yang pernah dengar sebelum ni?</b>	
82		( <i>Seorang pelajar mengangkat tangan</i> ))	
83 <sub>QB</sub>	SI (1)	: <b>Apa dia?</b>	
84	L2	: Euthanasia.	
85	SI (1)	: Oh, tak pernah.	
86 <sub>QT</sub>	L2	: <b>Seorang saja?</b>	
87 <sub>QB</sub>		<b>Kenapa tak (.) kenapa tak pernah dengar?</b>	
88 <sub>QT</sub>		<b>Kamu tak nak dengar ke, tak nak ambil tahu?</b>	
89 <sub>QT</sub>		<b>Euthanasia?</b> ( <i>Pensyarah beralih ke meja seorang pelajar India</i> ))	
90 <sub>QB</sub>	L2	: <b>Kamu ni dapat tahu perkataan Euthanasia daripada mana?</b>	←SP11
91	SI (2)	: <i>Dictionary</i> .	
92 <sub>QT</sub>	L2	: <b><i>Dictionary</i>?</b>	

- 93 **Ok.**
- 94<sub>QB</sub> **Apa yang kamu tahu[dengan perkataan Euthanasia]?**
- 95 SI (3) : [Dia *hafal dictionary*].
- 96 SI (2) : Ia (.) pembunuhan, secara perlahan-lahan tanpa (.) ah:::tidak  
97 tidak apa, tidak terdedah kepada kesakitan<sup>o</sup>(xxx).
- 98 L2 : Ok, ah::: yalah. Walaupun kurang tepat. Euthanasia ni, ia berasal  
99 daripada perkataan Yunani. Ok. Eu bermaksud baik, thanasia tu,  
100 bermakna mati dengan baik. Ok. Jadi, kalau secara (.) istilahnya,  
101 Euthanasia tu bermaksud, satu perbuatan menamatkan hayat  
102 seseorang dengan cara YANG (.) baik. Sama ada dia mati dengan  
103 pilihan sendiri, ataupun dia dimatikan dengan pilihan ahli keluarga  
104 dia, disebabkan, dia tidak mampu menanggung kesakitan.  
105 Jadi, sama ada dia minta supaya dia dimatikan, ataupun  
106 ahli keluarga dia membuat pilihan ke atas diri dia.  
(*Kumpulan pembentang sudah bersedia untuk membentang*)
- 107 L2 : Ok, jadi kita dengar pembentangan daripada kawan kita, **←SP12**  
108 silakan.
- 109 SI (4) : Salam sejahtera, kelas. **←SP13**
- 110 L2 : Nama, nama dulu.
- 111 SI (4) : Nama saya Muthu.
- 112 L2 : Muthu, ok.
- 113 SI (4) : Ah::: hari ini saya menceritakan tentang ah::: Euthanasia. **←SP14**  
114 Maksud Euthana Euthanasia berasal dari perkataan Greek,  
115 iaitu Eu tu baik, thanasia tu mati. Dengan itu kematian secara aman,  
116 dan tenang. Ah::: apa yang dimaksudkan ialah mempercepatkan  
117 kematian seorang yang dianggapkan hidup menderita atau perbuatan  
118 mematikan pesakit supaya penderitaan atau kesakitan itu berakhir.  
119 Ah::: mengikut *the American*, M. Herritage Stanley, 1975, dia  
120 mengatakan, suntikan dengan keinginan yang membawa  
121 sesuatu kebaikan (xxx) kepada penerima, iaitu kematian.
- 122 L2 : Ok, itu yang kamu baca. Cuba kamu cakap dengan bahasa **←SP15**  
123 yang apa, yang kamu faham, supaya kawan kamu pun faham.
- 124 SI(4) : Iaitu, menerima kematian (.) untuk me untuk mengelakkan daripada  
125 kesakitan yang (.) se seumur hidup. Ah::: Euthanasia ni kita boleh  
126 bahagikan kepada dua, iaitu sukarela dan bukan sukarela. Ah::: sukarela  
127 adalah, yang dia menerima kematian itu. Yang bukan sukarela ialah dia  
128 tidak dapat memberi persetujuan, contohnya ah::: orang yang koma, ah:::  
129 tidak sedar diri, tidak berupaya menggunakan mentalnya.
- 130 L2 : Ok, maknanya, kalau Euthanasia sukarela ni, bermakna kita tanya, betul  
131 katanya dia, ok::: Adakah awak ni sanggup terus menderita tak::: ke  
132 awak rasa nak nak mati, mati lebih baik. Kalau mendapat persetujuan  
133 daripada orang yang sakit itu sendiri, itu namanya sukarela. Tetapi kalau  
134 yang dinamakan Euthanasia bukan sukarela, contohnya dia koma. Ahli  
135 keluarga tak ada duit, nak tampung dia ni, macam mana::: Lagi lama kita  
136 ni membiarkan dia ni dirawat di hospital bagi ubat, panjangkan jangka  
137 hayatnya dengan bantuan-bantuan perubatan, sedangkan dia ni pun tak  
138 ada harapan untuk hidup. Jadi, ahli keluarga tadi berpendapat, lebih baik  
139 ialah memperhentikan perubatan kepada dia. Dia tak rela.
- 140<sub>QT</sub> **Mana kita tahu orang koma, betul?**
- 141 Dia pun tak boleh angguk ke, menggeleng ke. Jadi, kalau tanpa  
142 persetujuan orang yang memilih Euthanasia dengan sendiri, namanya  
143 EUTHANASIA (.) bukan sukarela.
- 144 S : Bukan sukarela.
- 145 L2 : Ok. Teruskan. **←SP16**
- 146 SI (4) : Selain daripada itu, Euthanasia bukan sukarela juga melibatkan  
147 perkara tindak kecuiaan ah, perkara tindakan kecuiaan yang

- 148 disengajakan, contohnya memberikan pesakit ah::: alat bantuan  
149 pernafasan<sup>o</sup> (.) itu juga merupakan Euthanasia<sup>o</sup> yang sengaja.
- 150<sub>QT</sub> L2 : **Memberi alat ke, mencabut alat?** ←SP17
- 151 SI (4) : TIDAK memberi...*sorry*. Tidak memberi.
- 152 L2 : Ah::: tidak memberi.
- 153<sub>QB</sub> **Ok, maksudnya?**
- 154 Tindakan kita ni menghentikan bantuan perubatan kepada dia.
- 155 Ok, seterusnya.
- 156 SI (4) : YEH:::
- 157 SI (5) : Istilah lain bagi Euthanasia ialah menamatkan kesengsaraan ←SP18
- 158 kawan ataupun musuh. Ia juga bermaksud memusnahkan
- 159 kewujudan seperti kapal, dan perniagaan. Ah::: Euthanasia juga
- 160 memberi maksud membunuh haiwan tanpa kesakitan, dengan (.)
- 161 mematahkan, mematahkan tulang belakang haiwan, ataupun
- 162 membuatnya supaya kehilangan nyawa dengan senyap.
- 163 L2 : Maknanya mem mempercepatkan PROSES kematian, kita nak bagi dia
- 164 mati cepat, supaya dia tidak MENANGGUNG kesakitan. Ok.
- 165 SI (5) : Euthanasia juga (xxx) kematian. Pada abad ke-17, ah::: ←SP19
- 166 pada abad ke-17, membunuh diri merupakan jenayah, ah:::
- 167 adalah salah dari segi undang-undang di banyak negara. (xxx)
- 168 Sejak abad ke-19, Euthanasia telah timbulnya perdebatan
- 169 dan (xxx) di wilayah Amerika Utara dan di Eropah.
- 170 Setelah Perang Saudara, beberapa penyokong dan beberapa
- 171 doktor mendukung dilakukannya Euthanasia secara sukarela.
- 172 L2 : Maknanya, akibat daripada peperangan, doktor telah pun
- 173 mencadangkan. Ah::: daripada lumpuh, daripada mengalami cacat
- 174 sebelah kaki dan sebagainya, doktor kata, kamu ni, jika kamu tak
- 175 sanggup menanggung sakit daripada melaung kesakitan, lebih
- 176 baiklah, kamu::: mati. Maknanya, kesan daripada peperangan itu,
- 177 doktor mencadangkan untuk, supaya orang yang mengalami sakit
- 178 akibat daripada peperangan itu, mati. Patutlah banyak kes Euthanasia
- 179 yang berlaku di negara-negara barat. Ok, seterusnya.
- 180 ((*Seorang pelajar mengangkat tangan*)) ←SP20
- 181 L2 : Ok, soalan.
- 182<sub>QB</sub> SI (6) : Ah, **kalau membunuh diri adalah salah dari segi** ←SP21
- 183 **undang-undang, kenapa wujudnya Euthanasia?**
- 184<sub>QB</sub> L2 : **Kalau membunuh diri adalah kesalahan di sisi undang-**
- 185 **undang, kenapa adanya Euthanasia?**
- 186 SI (5) : Ini kerana (.) bergantung kepada soal individu, sama ada nak
- 187 teruskan hidup ataupun nak menamatkan kesakitan.
- 188 L2 : Nanti kita akan tengok jawapan daripada pandangan-
- 189 pandangan agama, berkenaan dengan konsep Euthanasia.
- 190 Apa pandangan agama Buddist, apa pandangan agama Hindu,
- 191 apa pandangan agama Islam tentang konsep Euthanasia.
- 192<sub>QT</sub> **Adakah ia dibenarkan dari segi agama dan moral?**
- 193<sub>QT</sub> **Ataupun, adakah ia sebagai kefahaman di setengah-**
- 194 **setengah negara-negara barat sahaja?**
- 195<sub>QB</sub> L2 : **Ok, ada lagi?** ←SP22
- 196 ((*Seorang pelajar India mengangkat tangan*))
- 197 SI (7) : SAYA.
- 198 L2 : Ya.
- 199 SI (7) : Saya tak faham yang maksud pemusnahan ←SP23
- 200 kapal atau perniagaan.
- 201<sub>QT</sub> **Adakah ah::: memusnahkan harta benda ataupun ah:::**
- 202 **kapal yang dikatakan tadi, juga dikenali sebagai Euthanasia?**
- 203<sub>QB</sub> SI (5) : **Apa dia?**

- 204 L2 : Ulang balik.
- 205 SI (7) : Tak, maksud saya, seperti yang awak tulis kat situ,  
206 memusnahkan kapal ah::
- 207<sub>QT</sub> **Adakah memusnahkan kapal atau harta benda**  
208 **lain boleh digelar sebagai Euthanasia?**
- 209 Sebab maksud yang awak bagi, Euthanasia adalah mati dengan senang.
- 210<sub>QT</sub> **Kapal boleh mati dengan senang?**  
211 ((*Pelajar-pelajar ketawa*))
- 212 SI (5) : Itu satu *term* saja. ←SP24
- 213 L2 : *Term* yang digunakan untuk merujuk kepada perbuatan  
214 dengan sengaja memusnahkan.
- 215<sub>QT</sub> **Ok?**
- 216 SI (5) : Ah:::
- 217 L2 : Bukanlah bermaksud kita pergi suntikkan kapal tu, BUKAN. ←SP25  
218 Ok, terima kasih. *Give them a big hand.*  
219 ((*Pelajar-pelajar memberi tepukan, kumpulan pembentang*  
220 *kembali ke tempat masing-masing*))
- 221 L2 : Ok, teruskan dengan kumpulan kedua. ←SP26  
222 ((*Pelajar Kumpulan 2 keluar dan membuat persediaan*))
- 223 L2 : Ok. Tadi kita dah tengok sejarah Euthanasia di beberapa ←SP27  
224 beberapa buah tempat. Ok sekarang kita nak tengok sambutan  
225 pada sejarah Euthanasia di Australia, Eropah dan United States.
- 226 SI (8) : Selamat sejahtera. Saya Viki. ←SP28
- 227 SI (9) : Saya Munim.
- 228 SI (8) : Kami akan membentangkan sejarah Euthanasia di negara ←SP29  
229 Australia, Eropah dan *United States*. Ah pada tahun 1957,  
230 di Eropah, Dr. John Bodkin Adams telah mengamalkan  
231 Euthanasia dengan memberi (.) ubat yang membawa maut untuk  
232 mengurangkan kesakitan. Dan ah::: selain itu, di Belgium,  
233 pembunuhan yang dilaku oleh seseorang doktor iaitu  
234 *physician-assisted suicide* telah diluluskan di Eropah.
- 235 SI (9) : Di Netherlands juga, sekatan *doctor-assisted suicide* telah ←SP30  
236 dilonggarkan. Di *United States*, kumpulan pertama iaitu  
237 Hemlock Society USA, telah mengamalkan kematian yang segera untuk  
238 untuk penyakit yang tidak dapat diubati, iaitu penyakit (.) *Alzheimer's*  
239 *disease*. (.) *Alzheimer's disease* itu ah::: memberi kesan kepada otak (.)  
240 *the brain* (.) *affect affect the brain*. (.) Pada tahun 1990, Dr. Jack  
241 Kevorkian telah menunjukkan (xxx) yang di bawah kawalan pesakit, lalu  
242 ia menyebabkan kematian. Dia kemudian disabitkan kesalahan  
243 membunuh. Tetapi pada masa pada tahun yang sama (xxx) telah  
244 mengikhtirafkan penggunaan Euthanasia di Amerika Syarikat.
- 245 SI (9) : Seterusnya kami telah menyediakan satu graf °. ←SP31
- 246 L2 : Pandang ke depan! Pandang ke depan!
- 247 SI (9) : (xxx) Pada tahun 1939 (xxx) telah memberi nama (xxx) ←SP32  
248 beberapa orang (xxx). Namun (.) ini terus dinafikan (.)  
249 tetapi bukan pembunuhan (xxx).
- 250 L2 : Ok. Itu dalam ah::: tentera-tentera Nazi Jerman. Cara dia, dia:::  
251 melakukan Euthanasia kepada tentera-tentera yang kesakitan tu  
252 bukan dengan cara ditembak dan sebagainya tetapi dia membiarkan  
253 mati kelaparan. Ok. Macam ini juga telah berlaku di *United States*.
- 254<sub>QB</sub> **Siapa nama pelakon tu?**  
255 ((*Pelajar-pelajar senyap*))
- 256 L2 : Yang membunuh diri tu, ah::: dah bentang ni, nama dia. ←SP33  
257 Bukan, di *Europe*. Nama dia Hugo Claus. Ok. Hugo Claus  
258 ni dia seorang pelakon. Ok. Bila dia *start* berlakon berlakon  
259 berlakon tapi sampailah satu ketika dia mengalami Alzheimer.

260 <sub>QB</sub>		<b>Macam mana, penyakit Alzheimer ni sakit macam mana?</b>	
261 <sub>QT</sub>	S	: <b>Alzheimer?</b>	
262	L2	: Alzheimer.	
263 <sub>QB</sub>	L2	: <b>Kau orang sebut macam mana?</b>	←SP34
264 <sub>QB</sub>		<b>Sakit macam mana?</b>	
265	S	: Mohamad Ali itu.	
266 <sub>QT</sub>	L2	: <b>Hilang keupayaan?</b>	
267		Tak adalah. Dia dah hilang semangat. Dia tak sanggup menahan	
268		sakit. Jadi dia mengambil keputusan untuk membunuh diri. Ketika	
269		dia mati dia ditemani oleh doktor dia yang bernama (.) Antwerp.	
270 <sub>QT</sub>	L2	: Jadi, eh, <b>suka ke kalau kita mati, dan kita tahu kita</b>	←SP35
271		<b>akan mati bila?</b>	
272 <sub>QT</sub>		<b>Suka ke?</b>	
273	S	: <b>SUKA!</b>	
274	L2	: Kita sakit sakit SAKIT. Sakitlah tak laratlah.	←SP36
275		Tak sanggup sakit ni. Doktor, saya nak mati pukul 12 esok.	
276		Tolong bunuh saya pukul 12 esok.	
277 <sub>QT</sub>		<b>Kalau kita (.) <u>nak</u>?</b>	
278 <sub>QT</sub>		<b><u>Nak</u> tak tahu kita mati bila?</b>	
279 <sub>QT</sub>		<b><u>Tak nak</u> tahu kita mati bila?</b>	
280	S	: <b><u>NAK!</u></b>	
281 <sub>QT</sub>	L2	: <b>NAK?</b>	
282 <sub>QT</sub>		<b>TAK NAK?</b>	
283	SI (1)	: Saya nak!	
284	L2	: Ok. Nak tahu sebabnya.	←SP37
285	SI (1)	: Aduh:::	
286	S	: Sebab::: (xxx)	←SP38
287	L2	: Saya tanya yang duduk di belakang tu.	
288	SI (1)	: Mungkin ah::: kalau dah tahu bila kita nak meninggal tu:::	←SP39
289	L2	: Ah:::	
290	SI (1)	: Bolehlah kita melakukan tanggungjawab kita yang ada tu.	
291		Seperti menyelesaikan segala tugas kita yang ada:::	
292 <sub>QT</sub>	L2	: <b>Apa apakah agaknya kamu (.) siapakah nama kamu?</b>	←SP40
293	SI (1)	: Adenan.	
294 <sub>QT</sub>	L2	: <b>Adenan?</b>	
295	L2	: Kalau Adenan tahu ya. Tiba-tiba doktor katakan pada Adenan,	←SP41
296		Adenan kamu ni hidup tinggal 30 hari lagi saja, katakanlah. Ok.	
297 <sub>QB</sub>		<b>Apa dia benda yang Adenan nak buat?</b>	
298	SC	: Ah, kahwin sajalah.	←SP42
299		(( <i>Pelajar-pelajar ketawa</i> ))	
300 <sub>QT</sub>	L2	: <b>Kahwin?</b>	
301 <sub>QB</sub>		<b>Ok, apa Adenan nak buat?</b>	
302 <sub>QT</sub>		<b>Wasiat-wasiat ke, permintaan-permintaan ke?</b>	
303 <sub>QB</sub>		<b>Apa agaknya yang kamu nak buat?</b>	
304		(( <i>SI (1) senyap</i> ))	
305	L2	: <i>Please, please.</i>	←SP43
306	SI (1)	: AH::: (.) Mungkin ah:::	
307		(( <i>SI (1) tertawa</i> ))	
308 <sub>QB</sub>	L2	: Eh, <b>apa yang susah?</b>	
309		(( <i>SI(1) senyap</i> ))	
310	SC	: Dia nak berkeluarga dulu.	←SP44
311		(( <i>Pelajar-pelajar ketawa</i> ))	
312 <sub>QT</sub>	L2	: <b><i>Don't you have any <u>dreams</u>?</i></b>	←SP45
313	SI (1)	: <i>Dreams</i> saya ada, tapi jangka masanya panjanglah.	
314	L2	: Ah, yalah. Ceritalah sikit tu.	
315		Yalah, takkanlah harapan apa pun <u>tak ada</u> .	

- 316 SI (1) : Nak, nak nilah::: nak::: masuk kerja yang::: ←SP46  
 317 belum fikir lagi ni °  
 318 ((*Pelajar-pelajar ketawa lagi*))
- 319<sub>QB</sub> L2 : **Nak kerja apa?** ←SP47
- 320 SI (1) : Berniaga (.) Kebajikan (.) Rumah dan yang (.) dan juga (xxx)  
 321 L2 : Kamulah, kalau tiba-tibalah, doktor katakan kepada ←SP48  
 322 kamu ah::: contoh ya, kamu ni hanya hidup untuk 30 hari  
 323 saja lagi. Cuba kamu bayangkan, hah:::
- 324 SI (1) : Saya mula-mula (.) tulis wasiat.  
 325 L2 : Ah.
- 326<sub>QB</sub> L2 : **Apa isi kandungan wasiat yang kamu tu?** ←SP49
- 327 SI (1) : Semua harta saya diberi::: diderma::: anak saya.  
 328<sub>QT</sub> L2 : **Kamu ada anak?** ←SP50
- 329 SI (1) : Tak. Kahwin dulu.  
 330 L2 : Ah::: kahwin dulu.
- 331<sub>QB</sub> L2 : **Lepas tu?** ←SP51
- 332 SI (1) : Mungkin dah dapat *babylah*.  
 333 L2 : Ah:::
- 334 SI (1) : Dapat *baby* saya berikan hartalah. Harta diwasiatkan ←SP52  
 335 kepada anak-anak saya.
- 336<sub>QB</sub> L2 : **Isteri kamu macam mana?**
- 337 SI (1) : Isteri pun sama::: Keluarga, keluarga saya.  
 338 L2 : Ah:::
- 339 SI (1) : Lepas tu::: ah::: beli kereta mewah. Apa (.) ambil *life* ←SP53  
 340 *insurance*. Keluarga ah::: *medical card* (.) semua tu:::
- 341<sub>QT</sub> L2 : **Sempat ke?**  
 342 Bila orang *insurance* tahu kan, ah::: ni bila doktor dah bagitahu kamu  
 343 akan mati, dia pun tak nak ambil *insurance* daripada kamu dah.
- 344<sub>QT</sub> **Ok?**
- 345 L2 : Bila kita tahu kita nak mati. Dah tentulah kita ni::: ←SP54  
 346 buat persediaan yang baik.
- 347<sub>QT</sub> **Betul tak?**
- 348<sub>QT</sub> **Tapi kita tahu tak *deadline* kita ni bila?**
- 349 S : TAK:::
- 603<sub>QB</sub> **Hah?**
- 604<sub>QB</sub> **Nama Bahasa Melayu dia panggil apa, hah?**
- 605 S : Nama Bahasa Melayu::: ah, 'Nanban', 'Osai'.
- 606 L4 : Ah, ok.
- 607<sub>QT</sub> L4 : **Selain itu, artikel, kan?** ←SP109
- 608<sub>QT</sub> **Artikel pun daripada majalah dengan, surat khabar, kan?**
- 609 Pada media cetak. Ok.
- 610<sub>QT</sub> L4 : Ok, kelas, **iklan pernah tengok?** ←SP110
- 611<sub>QT</sub> S : **Iklan?**
- 612 L4 : Ah, iklan.
- 613<sub>QB</sub> : **Iklan apa?**
- 614 S : Iklan dalam TV.
- 615 L4 : Ah, dalam TV.
- 616<sub>QB</sub> **Lagi?**
- 617<sub>QT</sub> **Majalah pun banyak, kan?**
- 618 L4 : Kereta murah, kereta keluaran terhad.
- 619<sub>QT</sub> **Semua tu, kan?**
- 620<sub>QB</sub> Lagi, **bila dah keluar dari poli, apa yang awak nak buat?**
- 621<sub>QB</sub> **Mestilah cari iklan, iklan?**
- 622 S : Kerjalah.
- 623 L4 : Ah!
- 624<sub>QT</sub> **Cari kerjalah, kan?**
- 625 Itulah pentingnya media cetak.
- 626<sub>QT</sub> **Nak kerja dalam poli ke, atau awak nak kerja dekat mana, kan?**
- 627<sub>QT</sub> **Nak dapatkan kereta lawa ataupun rumah, kan? Ok.**
- 628<sub>QT</sub> L4 : **Ok, boleh faham hah?** ←SP111
- 629 S : Ok, boleh::: *miss*.
- 630<sub>QT</sub> L4 : **Ada lagi yang tak faham ke:::?**
- 631 S : Tak:::
- 632<sub>QT</sub> L4 : **Ada soalan?**
- 633 S : Tak:::
- 634<sub>QT</sub> L4 : **Tak ada dah?**
- 635 Ok, semua faham, hah!
- 636 L4 : Ok. Itu saja untuk hari ini. ←SP112
- 637 S : Ok.
- 638 L4 : Ah, kita akan jumpa minggu depan, minggu depan Khamis nanti,
- 639 dekat bilik atas.
- 640 S : Ok:::
- 641 L4 : Kita akan teruskan dengan pembentangan kumpulan yang seterusnya,
- 642 hah. Ok, kita jumpa lagi Khamis nanti.
- 643 S : Terima kasih, puan.
- 645 L4 : Ok, terima kasih.
- 646 Hantar, hantar! Yang awak buat pembentangan tadi, hantar ya! ←SP113
- 647 ((Pelajar-pelajar serah kertas pembentangan mereka kemudian keluar))

---

\*Nota: Struktur Pertukaran (SP) merupakan langkah-langkah individu dalam memajukan sesuatu pelajaran di bilik darjah. Ia terdiri daripada inisiasi, respons dan maklum balas. (lihat Sinclair & Coulthard, 1975:21-56)

## TRANSKRIPSI 5

Tarikh : 05 Oktober 2009  
 Peserta : Pensyarah (L5)  
           19 pelajar (S) – [9 Pelajar Cina (SC) & 10 Pelajar India (SI)]  
 Kelas : JTMK1  
 Lokasi : Bilik BK3

- 
- 1 L5 : Ok. Selamat pagi, semua. ←SP1  
 2 S : Selamat pagi:::  
 3<sub>QT</sub> L5 : **Sihat?**  
 4 S : °Tak sihat.  
 5<sub>QT</sub> L5 : **Tak sihat?**  
 6<sub>QT</sub> **Tak cukup tidur?**  
 7<sub>QT</sub> **Ok, tiga minggu cuti, tak cukup lagi?**  
 8 S : Tak:::  
 9<sub>QB</sub> L5 : **Apa yang telah berlaku sepanjang tiga minggu** ←SP2  
 10 **kamu bercuti?**  
 11 S : °Tidur.  
 12 S : °Makan angin.  
 13<sub>QB</sub> L5 : **Hah?**  
 14<sub>QB</sub> **Apa yang kamu buat sepanjang tiga minggu**  
 15 **kamu diberi cuti rehat?**  
 16 ((Pelajar-pelajar ketawa))  
 17<sub>QT</sub> L5 : **Kerja saya beres?** ((menunjuk contoh tugas pelajar)) ←SP3  
 18<sub>QT</sub> **Kerja yang saya bagi beres TAK?**  
 19 S : °Tak.  
 20<sub>QT</sub> L5 : **Ada yang belum selesai lagi?**  
 21<sub>QT</sub> **Berapa kumpulan lagi yang belum::: selesai dengan**  
 22 **tugas yang saya bagi?**  
 23 ((Pelajar-pelajar senyap))  
 ((Pensyarah pergi ke meja seorang pelajar dan memeriksa tugasannya))  
 24<sub>QT</sub> L5 : **Ok, ini yang kamu punya, ya?** ←SP4  
 25<sub>QT</sub> **Ini yang saya bagi yang itu?**  
 26 ((Pelajar tersebut mengangguk))  
 27<sub>QT</sub> L5 : **Ada lagi yang belum bergerak atau apa-apa lagi?** ←SP5  
 28<sub>QT</sub> **Ah angkat tangan, siapa yang belum buat apa-apa lagi?**  
 29 ((Tiada pelajar mengangkat tangan))  
 30 SC : Sudah buat lapan puluh peratus. ←SP6  
 31<sub>QT</sub> L5 : **Lapan puluh peratus?**  
 32 SC : Ah.  
 33<sub>QT</sub> SI : **Boleh?**  
 34 L5 : Ok::: So, pastikan (.) sebelum ah::: itu sebelum minggu ←SP7  
 35 depanlah, hari Isnin minggu depan, maknanya kamu  
 36 pastikan benda tu dah siap::: dan::: boleh hantar kepada  
 37 saya::: supaya saya dapat semak.  
 38<sub>QT</sub> **Ok?**  
 39<sub>QT</sub> **Kalau kamu hantar lewat, maknanya lambat**  
 40 **daripada::: SE? Semak.**  
 41<sub>QT</sub> **Kita kan ada masa-masa?**  
 42 ((Pelajar-pelajar senyap))  
 43 L5 : OK, DAN::: benda ini kena ingat juga. Persediaan untuk ←SP8

- 44 *presentation*. Maknanya benda ni yang kamu buat ni.
- 45<sub>QT</sub> **Benda ni jugalah apa yang akan kamu ringkaskan**
- 46 **untuk PRESENT? Presentation.**
- 47<sub>QT</sub> **Ok, faham?**
- 48 ((Pelajar-pelajar senyap))
- 49 L5 : Maknanya benda yang sama, kerja yang sama. ←SP9
- 50<sub>QT</sub> **Cuma cara dan penyembahan persembahan sahaja**
- 51 **yang BERBE? Berbeza.**
- 52 Ah ni dalam bentuk (.) penulisan. Bila bentuk penulisan ni,
- 53 maknanya kena guna ayat, kena guna (.) macam-macam, prosa
- 54 ke dan sebagainya, ok. Bila kita dapat tajuk, ah, macam mana
- 55 nak buat olahan ayat dan sebagainya. Dan::: untuk persembahan,
- 56 saya dah terangkan sebelum ini, jadi saya rasa tak ada masalah.
- 57<sub>QT</sub> **OK?**
- 58 ((Pelajar-pelajar senyap))
- 59 L5 : Kalau::: minggu lepas, eh minggu sebelum cuti, kita dah ←SP10
- 60 (.) bincangkan berkaitan dengan dasar-dasar, yang
- 61 diperkenalkan oleh kerajaan::: bagi::: menyatupadukan, ok,
- 62<sub>QT</sub> **menjaga keharmonian::: MASYARA? Masyarakat.**
- 63<sub>QT</sub> **Ingat lagi? (.)**
- 64<sub>QB</sub> **Apa dia dasar yang telah kita (.) bincangkan?**
- 65 Ada beberapa dasar, dasar saya rasa telah terangkan.
- 66<sub>QB</sub> **Ok, apa dia? (.)**
- 67<sub>QB</sub> **Hah, dasar apa?**
- 68 ((Pelajar-pelajar senyap))
- 69 L5 : Hah, David! ←SP11
- 70<sub>QT</sub> **Ingat lagi?**
- 71<sub>QB</sub> **Dasar apa?**
- 72<sub>QT</sub> **Tiga minggu takkan dah LUPA?**
- 73 SI : Sudah lupa.
- 74 L5 : Baru je. Kalau orang tua pun, saya rasa tak nyanyuk lagi. (.)
- 75 Kita dah bincang, berkaitan dengan dasar-dasar yang lepas.
- 76<sub>QT</sub> **Ada beberapa dasar yang saya dah sentuh, kan?**
- 77 L5 : Hah, mari! (.) ←SP12
- 78<sub>QB</sub> **Hah, dasar? Dasar Pelajaran, ok.**
- 79<sub>QB</sub> **Dasar? Ekomomi baru, ok.**
- 80<sub>QB</sub> **Maknanya kita dah bincangkan secara?**
- 81 ((Pelajar-pelajar senyap))
- 82 L5 : OK::: saya dah jelaskan. Cuma hari ini (.) saya nak masuk ←SP13
- 83 kepada Rancangan 5 Tahun, Ok.
- 84<sub>QB</sub> **Rancangan 5 Tahun ini adalah satu dasar daripada**
- 85 **(.) dasar ataupun pelaksanaan yang telah dilakukan**
- 86 **oleh kerajaan untuk memastikan, supaya?**
- 87 Ah, rakyat Malaysia ni berada dalam keadaan, yang stabil
- 88 dari segi ekonominya, dari segi sosialnya, dari segi politiknya.
- 89 Sebab itu, dia ada (.) perancangan.
- 90<sub>QT</sub> **Ok, bila kita nak buat sesuatu, kita mesti ada perancangan, kan?**
- 91<sub>QT</sub> **Betul tak? (.)**
- 92<sub>QT</sub> L5 : Ah::: macam Ani nak buat sesuatu, ada perancangan tak? ←SP14
- 93 SI : °Ada.
- 94<sub>QT</sub> L5 : **Ada, kan?**
- 95 L5 : Kita nak buat sesuatu, kita mesti ada perancangan, gerak kerja,
- 96 tempoh masa yang (.) ditetapkan, berapa lama, ok.
- 97 Ah, sekarang kamu belajar::: ←SP15
- 98<sub>QT</sub> **Tempoh masa kamu belajar ni berapa tahun kamu nak habiskan?**
- 99<sub>QT</sub> **Berapa semester? (.)**



- 100<sub>QT</sub> **Diploma awak berapa semester?**
- 101 S : °Tiga hingga enam.
- 102<sub>QT</sub> L5 : **Enam semester?**
- 103<sub>QT</sub> **Maknanya dua TA(.)Tiga TA?**
- 104 Tiga tahun.
- 105 L5 : Ok, dalam masa tiga tahun ni, kita kena ada
- 106 PERANCANGAN, apa *course* yang kita nak ambil,
- 107 bagaimana, dan (.) macam mana kita nak jaga CGPA kita.
- 108<sub>QT</sub> **Betul tak?**
- 109 Yang itu perancangan. Untuk capai ke tak capai tu (.) ah kita
- 110 tengok *result*lah. Keputusan kamu tu macam mana, mencapai
- 111 tak apa yang kamu nak, tahap yang kamu nak. Kita nak cemerlang
- 112 ke, nak sederhana ke (.) ataupun, tak mencapai target yang kita
- 113 nak. Itulah yang dikatakan strategi-strategi yang dilaksanakan
- 114 oleh KERAJAAN (.) bagi (.) membantu (.) membangunkan (.)
- 115 masyarakat Malaysia ni, supaya masyarakat Malaysia ni menjadi,
- 116 lebih maju dari segi ekonominya, lebih stabil dari segi politiknya,
- 117 dan lebih harmoni dari segi sosialnya. Ah, semua benda ini
- 118 kita kena adalah. Strategi ada, perancangan-perancangan.
- 119 L5 : Ok, kalau kita tengok, dalam Rancangan 5 Tahun Malaysia ←SP16
- 120 tu, ok, kalau dalam Rancangan 5 Tahun tu, kamu tengok,
- 121 daripada Rancangan Malaya Pertama, sampailah ke
- 122 Rancangan Malaysia kesembilan, ok.
- 123<sub>QB</sub> **Semuanya ditetapkan itu ada sasaran, dan ada apa?**
- 124 Strateginya.
- 125 L5 : Ok, apa yang kita dah bincang sebelum ini, contohnya ←SP17
- 126 Dasar Ekonomi baru::: dasar perindustrian, dasar apa-apa
- 127 yang telah disebutkan, dasar luar dan sebagainya tu dia (.) juga
- 128 termasuk dalam rancangan-rancangan::: 5 tahun, 5 tahun, 5tahun.
- 129<sub>QB</sub> **Kenapa disebutkan Rancangan 5 Tahun, 5 tahun, 5 tahun?**
- 130<sub>QB</sub> L5 : Hah Siva, kenapa disebutkan Rancangan 5 Tahun, ←SP18
- 131 **5 tahun, 5 tahun?**
- 132 ((Pelajar tersebut senyap))
- 133<sub>QB</sub> L5 : **Pasal apa sebut 5 tahun, tak sebut 6 tahun,** ←SP19
- 134 **tak sebut 7 tahun?**
- 135<sub>QB</sub> **Hah?**
- 136 S : °Itu strategi kerajaan, menetapkan sasaran setiap (xxx)
- 137<sub>QB</sub> L5 : **Hah?**
- 138<sub>QB</sub> **Setiap?**
- 139 S : °Setiap lima tahun [sekali].
- 140 L5 : [Ah:::] dia sasaran atau target dia lima tahun sekali, ok.
- 141 L5 : Bila sasaran ataupun target dia lima tahun sekali,
- 142 lima tahun sekali, sebab itulah dipanggil sasaran
- 143 ataupun Rancangan 5 (.) 5 Tahun.
- 144<sub>QT</sub> **Ok?**
- 145<sub>QT</sub> L5 : **Ada tak baca buku masa cuti baru ni?** ←SP20
- 146 S : Tak ada:::
- 147<sub>QT</sub> L5 : **Ke tak buka langsung?**
- 148 S : Tak:::
- 149 L5 : Ah, cuti-cuti teruslah ya.
- 150<sub>QT</sub> L5 : **Chong balik Kedah tu, memang dah lupalah?** ←SP21
- 151 ((Pelajar-pelajar ketawa))
- 152<sub>QB</sub> L5 : **Ok, dapat makan durian ke, dapat makan apa lagi?**
- 153<sub>QT</sub> **Ok, musim, sekarang ada musim lagi ke, hah, Chong?**
- 154 ((Pelajar berkenaan tersenyum))
- 155<sub>QT</sub> L5 : **Balik Kedah ada musim lagi?**

- 156<sub>QT</sub> **Ada?**
- 157<sub>QB</sub> **Musim apa?**
- 158<sub>QT</sub> **Musim padi?**
- 159 ((*Pelajar berkenaan menggeleng kepala*))
- 160<sub>QT</sub> L5 : **Tak ada?**
- 161 L5 : So, kena baca juga, walaupun saya kata, “Ok, kita ←SP22
- 162 berhenti setakat ni, setakat ni:::”.
- 163<sub>QT</sub> **Tapi selepas tu, bacalah apa yang kita nak**
- 164 **bincangkan, untuk kelas yang SE?** Seterusnya.
- 165 Sebab benda ni, dia akan berkait-kait.
- 166 Satu bahagian dengan satu bahagian dia akan berkait-kait.
- 167 L5 : OK kita tengok, dalam Rancangan Malaysia, 5 tahun ini, ←SP23
- 168 dia merupakan tempoh pelaksanaan program, ataupun
- 169 projek pembangunan kerajaan Malaysia, yang dirancang
- 170 untuk dilaksanakan dalam masa lima tahun. Hah, itu yang
- 171 dikatakan (.) Rancangan 5 Tahun.
- 172<sub>QT</sub> L5 : **Rancangan 5 Tahun ini adalah kesan peninggalan ←SP24**
- 173 **daripada zaman pemerintah British di Tanah**
- 174 **Melayu selepas Perang Dunia KEDU?** Kedua.
- 175 Ah::: maknanya (.) hasil daripada berlakunya Perang Dunia
- 176 Kedua tu, baru kerajaan kita nampak. Ok.
- 177<sub>QB</sub> **Kesan dan implikasi (.) yang berlaku daripada Perang Dunia**
- 178 **Kedua itu memberikan kesan yang besar kepada?**
- 179 Ah::: kepada penduduk di Malaysia juga. Walaupun apa yang
- 180 berlaku di (.) Jepun, di Hiroshima tu, dah cukup memberi kesan
- 181 yang (.) besar kepada penduduk di Malaysia.
- 182<sub>QT</sub> **Ok?**
- 183 ((*Tiada respons daripada pelajar-pelajar*))
- 184 L5 : Dari segi ekonomi, sebab kita masih bergantung, dengan, ←SP25
- 185 hasil-hasil (.) yang mana (.) walaupun kita ni banyak
- 186 benda yang kita boleh pergunakan.
- 187<sub>QB</sub> **Kita ada bijih timah, rempah, apa lagi?**
- 188 GETAH. Tapi kita masih memerlukan bantuan daripada negara-negara
- 189 luar, sebab kita tak tahu macam mana nak proses benda tu, kita tak ada
- 190 kilang::: Kalau sebelum ni, kita (.) just (.) sebelum ni saya dah sebutkan,
- 191 kita kalau tanam, cukup tanam, makan untuk diri sendiri. Tapi kita tak
- 192 tahu, macam mana kita NAK (.) BANGUNKAN (.) ekonomi kita.
- 193<sub>QT</sub> **Betul tak, Ani?**
- 194 ((*Pelajar berkenaan senyap*))
- 195 L5 : Ah, dulu kita ada kelompok-kelompok. Masyarakat India, ←SP26
- 196 masyarakat Cina, masyarakat Melayu. Kita ada kelompok-
- 197 kelompok. Dan bila ada kelompok-kelompok ni, mereka berada di dalam
- 198 kelompok-kelompok masing-masing, dan mereka tak tahu macam mana
- 199 (.) nak mengembangkan (.) ekonomi, nak mengembangkan (.) sosial
- 200 mereka. Mereka tak tahu macam mana nak berinteraksi. Sebab itulah
- 201 diwujudkan dasar-dasar, yang mana dasar-dasar itulah yang telah (.)
- 202 membantu KITA (.) UNTUK (.) meningkatkan taraf kehidupan kita.
- 203 L5 : Ah, kalau dulu tak. ←SP27
- 204<sub>QT</sub> **Orang semua masa zaman Jepun pakai basikal saja,**
- 205 **pergi mana-mana, betul tak?**
- 206 Ah, kalau kita dengar cerita, datuk nenek moyang kita, ok,
- 207 JALAN KAKI! Dua puluh kilometer, tiga puluh kilometer itu
- 208 adalah perkara yang BIASA! Kalau kamu tanya sejarah-sejarah
- 209 mereka (.) perkara yang biasa, berjalan kaki, TAK PAKAI SELIPAR!
- 210 Kaki mereka tu dah jadi macam tapak kasut:::
- 211 L5 : Saya masih ingat, ayah saya (.) dia (.) memang dilahirkan ←SP28

- 212 dalam tahun 1939, ah, maknanya dalam tempoh 1939 itu  
 213 adalah tempoh yang, yang mana (.) masih lagi berada dalam  
 214 kemunduran, masih berada dalam zaman penjajahan, ok.  
 215<sub>QT</sub> **Sebab kita merdeka tahun sembilan belas lima PULUH? TUJUH.**  
 216 L5 : Jepun datang ke Malaysia ke Tanah Melayu tahun ←SP29  
 217 sembilan BELAS (.) Empat PULUH (.)  
 218<sub>QT</sub> **Empat puluh satu yang datang, betul tak?**  
 219 ((Pelajar-pelajar senyap))  
 220<sub>QT</sub> L5 : **Kan?**  
 221<sub>QB</sub> Eh, **kenapa ni:::?**  
 222<sub>QT</sub> **Sejarah Malaysia, tak tahu?**  
 223 S : °Tak tahu:::  
 224 L5 : Nampaknya kena belajar sejarah Malaysia pula ni (.) ok!  
 225 Jepun mendarat masa tu! Maknanya tempoh (.) membesar  
 226 mereka, orang yang dilahirkan dalam tahun 1939, 1940, 1941,  
 227 tempoh membesar mereka dalam suasana PERANG, ok.  
 228 L5 : Tak ada macam kita ni, kita masa tiga tahun, empat tahun dah ←SP30  
 229 masuk taska, dah masuk tadika, dah masuk *kindergarden*,  
 230 belajar bahasa Inggeris, bahasa Jepun, bahasa Cina dan berbagai.  
 231 Tapi zaman mereka, nak kenal huruf A pun tak tahu, nak baca satu  
 232 *paper* pun tak tahu. Itu zaman yang dirasa mereka.  
 233 L5 : Sebab itu ayah saya kata, itu pengalaman rasa sendiri! Bila saya ←SP31  
 234 tanya, macam mana pengalaman ayah ketika membesar dalam zaman  
 235 Jepun tu, maknanya dia pun cerita. Dia nampak (.) berlakunya, kalau  
 236 biasa Jepun dia tembak ke apa ke, maknanya dia akan nampak.  
 237 Cuma (.) Allah panjangkan umur ayah saya, sampai sekarang ni  
 238 masih sempat lagi, ok. Daripada masa zaman Jepun tu dia pernah  
 239 merasa, dan sekarang ni dia dah berada di dalam Rancangan Malaysia  
 240 Kesembilan, dia dah merasai. Maknanya susah senang, semua dia dah (.)  
 241 dah rasa. Macam mana dia berjalan kaki ayam, macam mana naik *boat*,  
 242 ok. Macam mana me::: melalui bukit-bukau semata-mata untuk  
 243 mencari nafkah.  
 244 L5 : Tapi kita semua kita tak rasa. Sebab (.) ←SP32  
 245<sub>QB</sub> **kamu dilahirkan dalam zaman?**  
 246 S : °1991.  
 247<sub>QT</sub> L5 : **Sembilan belas berapa?**  
 248<sub>QT</sub> **Lapan puluh?**  
 249 S : °91.  
 250 L5 : Lapan puluh satu!  
 251<sub>QT</sub> L5 : **Kalau 1981, rancangan Malaysia yang ke berapa dah?** ←SP33  
 252 S : °Mungkin ke::: ketujuh.  
 253<sub>QB</sub> L5 : **Hah?**  
 254<sub>QT</sub> **1981, rancangan Malaysia yang keberapa?**  
 255 S : °Oi, cakaplah. 1991. ((*berbisik*))  
 256<sub>QT</sub> L5 : **Rancangan Malaysia yang ke?**  
 257 S : °Empat.  
 258 S : °Keempatlah.  
 259 L5 : Kelas::: cepat!  
 260<sub>QT</sub> **Rancangan Malaysia yang keberapa?**  
 261 S : EMPAT!  
 262 L5 : Empat:::! Ah, kita dah ada dalam Rancangan Malaysia keempat.  
 263 Kamu dah Rancangan Malaysia keempat, ok!  
 264 L5 : Maknanya, Rancangan Malaysia keempat tu, kamu dah lahir ←SP34  
 265 di hospital, disambut oleh doktor, dah ada segala kelengkapan,  
 266 lahir-lahir terus diberi susu, diberi makan, diberi pakaian. Tak ada  
 267 kesempitan-kesempitan yang dirasakan OLEH (.) mereka-mereka yang



- 324<sub>QB</sub> L5 : **So, dalam Rancangan Malaya yang pertama ni, apa yang mereka fikirkan?** ←SP45  
 325  
 326 ((Pelajar-pelajar senyap))
- 327 L5 : Ok, kalau kita tengok, dalam Rancangan Malaya pertama ini, ←SP46  
 328 mereka bertujuan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi,  
 329 melalui peningkatan pendapatan per kapita dan taraf hidup  
 330 rakyat. Maknanya, dalam Rancangan Malaya pertama ni, target  
 331 mereka adalah untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan  
 332 meningkatkan taraf hidup rakyat, ok.
- 333 L5 : Baik, sebelum ini saya dah sebutkan, macam mana taraf ←SP47  
 334 hidup rakyat (.) yang berada di masa (.) penjajahan British.  
 335<sub>QT</sub> **Hah::: dia memperkenalkan Dasar Pecah dan PERIN?**  
 336 Perintah, ok.
- 337 L5 : Dalam Dasar Pecah dan Perintah tu, maknanya (.) dia bagi ←SP48  
 338 kepada kita. Dia bagi sekolah. Kamu nak bina sekolah dekat  
 339 ni, nak bina sekolah India, dia bagi kamu bina sekolah India.  
 340 Kamu nak bina sekolah Cina, dia bagi kamu bina sekolah Cina.  
 341 Sekolah Melayu, dia bagi kamu bina sekolah Melayu. TAPI (.) dia,  
 342 tak nak (.) kamu memahami hasrat hatinya, hah, jadi dia bagi saja dan  
 343 dia tak (.) tunjukkan, dia tak bantukan kamu. Maknanya kalau sekolah  
 344 India, binalah sekolah India. Apa sukatan yang kamu nak, kamu  
 345 carilah sendiri. Begitu juga dengan sekolah Cina, kamu nak belajar,  
 346 bukalah sekolah. Nak ajar masyarakat Cina belajar, belajarlah, ok.  
 347 Nak dapatkan silibus, nak dapatkan apa, kamu buatlah sendiri.  
 348 Sebab, dia tak nak wujudnya, penye, ok, persepadaan  
 349 antara tiga-tiga kelompok masyarakat ni, ok.
- 350 L5 : Kalau tiba-tiba dia buat kurikulum yang sama, ok, bila dia ←SP49  
 351 buat kurikulum yang sama, mata pelajaran yang sama, dia  
 352 takut tiga kelompok ni, sedar apa yang telah (.) British buat.  
 353<sub>QT</sub> **Faham tak?**
- 354 S : °Faham.
- 355 L5 : Hah::: kalau dia buat macam tu, dia akan takut dan dia bimbang  
 356 masyarakat Melayu masyarakat yang berada di dalam Tanah  
 357 Melayu ni sedar apa yang British buat. Sebab British ni dia  
 358 buat dekat sini, dia datang ke Tanah Melayu ni, nak ambil  
 359 sumber-sumber ekonomi kita yang ada, ok.
- 360 L5 : Dekat Malaysia dekat Tanah Melayu banyak sumberi-sumber ←SP50  
 361 ekonomi, yang boleh (.) digunakan.  
 362<sub>QT</sub> **Contohnya, rempah RA?**
- 363 S : Ratus.
- 364 L5 : Ratus. Kita ada tempat rempah ratus yang banyak,  
 365 hasil-hasil hutan, ok.
- 366<sub>QB</sub> **Sebab apa?**  
 367 Kita ada kawasan.
- 368<sub>QB</sub> L5 : **Malaysia ni terkenal dengan kawasan (.) beriklim apa?** ←SP51  
 369 S : Khatulistiwa.
- 370 L5 : Hah::: iklim Khatulistiwa.
- 371 L5 : Iklim sederhana, jadi sesuai dengan benda-benda macam ni, ok. ←SP52  
 372 Nak tanam rempah ratus ke, tempat-tempat yang sesuai. Sebab  
 373 tulah mereka datang, dan mereka memperkenalkan Dasar Pecah  
 374 dan Perintah. Tapi, mereka tak mahu (.) masyarakat ini  
 375 bersatupadu, sebab bila masyarakat bersatupadu, ah masyarakat  
 376 akan tahu apa yang mereka buat, ok.
- 377 L5 : Tapi, pada masa tu, kerajaan kita (.) hah::: orang yang dah ←SP53  
 378 cerdik-cerdik masa tu dia dah mula bertindak, dia mula berfikir.  
 379<sub>QT</sub> **Yang mana kita tengok Tunku Abdul Rahman, Perdana**

- 380 **menteri kita yang PERTA?** Pertama.
- 381 Ah, dialah yang berusaha, untuk mengeluarkan kita ni daripada
- 382 penjajahan British yang berterusan. Sebab itulah dia berkali-kali,
- 383 bukan sekali dia tu pergi ke London tu, nak minta (.) kita ni dapat
- 384 kebebasan daripada British.
- 385 L5 : Adanya Suruhanjaya Lord Reid, Suruhanjaya Cobbold, ←SP54
- 386 suruhanjaya apa lagi, maknanya ada beberapa suruhanjaya
- 387 dibentuk, untuk mengkaji, (.) ok. Sesuai ke tak sesuai ke, boleh ke tak
- 388 boleh, kita ni keluar daripada (.) PEME pemerintahan British, ok.
- 389 Maknanya kita NAK (.) bangunkan negeri kita sendiri, bangunkan Tanah
- 390 Melayu kita sendiri, bangunkan Malaysia kita, dengan cara kita sendiri.
- 391<sub>QT</sub> **Kita tak nak (.) adanya campurtangan daripada pihak LU?**
- 392 Luar.
- 393 L5 : Kalau campurtangan daripada pihak luar, maknanya::: ←SP55
- 394<sub>QT</sub> **Banyak hasil-hasil ini terpaksa dibahagi-BA?** Bahagikan.
- 395 Hah, kita tengok ah sebelum inilah, masa Dasar Pecah dan Perintah.
- 396 Sepatutnya benda-benda ni kita bangunkan untuk negara kita.
- 397<sub>QB</sub> **Tapi kenapa?**
- 398<sub>QT</sub> **Sebab kita tak tahu (.) mereka mengambil MANFA?** Manfaat, ok.
- 399<sub>QT</sub> **Betul tak, Chong?**
- 400 ((*Pelajar berkenaan mengangguk-angguk*))
- 401 L5 : Hah, kalau bukan usaha kerajaan yang buat macam tu, ←SP56
- 402 maknanya (.) kita ni, mungkin (.) akan menjadi negara yang
- 403 ditindas. Ok, tapi sebab usaha kerajaan nak, nak keluarkan
- 404 kita daripada kongkong-kongkong tersebut.
- 405 L5 : OK. ((*sambil merujuk buku*)) Penekanan lebih diberikan kepada ←SP57
- 406 masyarakat luar bandar, yang merupakan pendapatan rendah,
- 407 seperti mana dia dah memperbaiki kemudahan asas di kawasan
- 408 luar bandar, di samping mempelbagaikan keluaran pertanian.
- 409 L5 : Hah::: ok, dalam tu diperkenalkan (.) ah::: air percuma, elektrik ←SP58
- 410 percuma, maknanya kehidupan masyarakat bandar dengan luar
- 411 bandar ni berbeza. Masyarakat bandar, dia lebih maju, ok.
- 412 Masyarakat luar bandar, jalan raya dia tak ada lagi masa tu.
- 413 Kalau nak jalan, pakai jalan raya, (.) dia pakai tanah merah.
- 414 Kalau hujan ke apa ke, maknanya (.) hah, kamu faham sendirilah.
- 415<sub>QT</sub> **Kalau tanah merah macam mana, kan?**
- 416 L5 : So (.) penduduk di bandar dah menikmati, kita dah ada ←SP59
- 417 peningkatan. Maknanya berbeza, kehidupan di bandar
- 418 dengan masyarakat luar bandar dah ada perbezaan dah. Sebab
- 419 itu kemiskinan di bandar, dengan kemiskinan di luar bandar:::
- 420<sub>QT</sub> **Masyarakat luar bandar lebih TING?**
- 421 Tinggi kadar kemiskinannya.
- 422 **Jadi dia nak (.) jadikan supaya masyarakat luar bandar ni**
- 423<sub>QT</sub> **rasa juga apa yang masyarakat bandar RA?** Rasa.
- 424 So, dia bagi air percuma, kalau kita dulu gunakan (.) telaga, ok.
- 425<sub>QB</sub> **Dia bagi bantuan dari segi?**
- 426 Ah::: peralatan. Kalau air telaga pun, dia bagi (.) peralatan-
- 427 peralatan yang (.) kamu tak perlu (.) timba.
- 428<sub>QB</sub> L5 : **Siapa yang pernah guna air telaga?** ←SP60
- 429<sub>QT</sub> **Pernah tak?**
- 430<sub>QT</sub> **Ada pengalaman tak guna air telaga?**
- 431 S : °Ada.
- 432<sub>QT</sub> L5 : **Ada? (.)**
- 433<sub>QT</sub> **Tak ada?**
- 434 S : Saya [pernah rasa].
- 435 L5 : [Sekarang] tak ada, sebab kamu dah dilahirkan dalam

- 436 Rancangan Malaysia Keempat.
- 437 S : Betul.
- 438 L5 : Ah:: Rancangan Malaysia Keempat tu semua dah (.) ←SP61
- 439<sub>QT</sub> **apa yang kelemahan berlaku dalam Rancangan Malaya**
- 440 **Pertama tu dah DIPER?** Diperbetulkan.
- 441 Jadi saya rasa tak adalah masalah, sebab kamu memang dah
- 442 dilahirkan dengan (.) serba canggih.
- 443<sub>QT</sub> L5 : **Masuk bilik air dah ada air panas, air SE?** ←SP62
- 444 S : Sejuk::
- 445<sub>QT</sub> L5 : **Air sejuk, betul tak?**
- 446 S : Betul::
- 447 L5 : Ah:: rumah kamu ada air panas, air sejuk. Nak mandi, nak
- 448 pilih air panas, ambil air panas, nak air sejuk, ambil air sejuk.
- 449 ITU, dah kira canggihlah tu, ok.
- 450 L5 : Sebab, kamu ni dilahirkan dalam suasana yang SERBA ←SP63
- 451 MODEN, ok. Tak pernah rasa macam mana (.) mandi
- 452 menggunakan air telaga. Ok. Kalau kamu nak tahu macam mana rasa
- 453 air telaga ni, (.) dia rasa, kalau kita minum, ah masak tu, bila minum,
- 454 kalau yang ta, kawasan yang tanah bentang, ah siapa yang rumahnya
- 455 dekat tanah bentang, bila kamu minum tu, ah:: kalau kamu rasa sekali
- 456 rasa tu, dia rasa macam (.) minum air tanah. Tanah liat yang, yang duduk
- 457 di bawah tu. Lebih kurang macam itulah. Itu air telaga, ok.
- 458 L5 : Mandi, mandi pun sama juga. ←SP64
- 459<sub>QT</sub> **Sekarang kita tak ada rasa air macam dulu,**
- 460 **sebab semua air kita dah DITA?** Ditapis.
- 461 Sampai rumah kita pun dah kira bersihlah.
- 462<sub>QT</sub> **Dah bersih pun, masih lagi menggunakan (.) alat penapis,**
- 463 **alat penapis air, betul tak?**
- 464 S : °Betul.
- 465 L5 : Ah:: tak cukup lagi dengan (.) ah tapisan-tapisan yang di mana di
- 466 peringkat-peringkat hidrorik air tadi, kat rumah pula pakai lagi air
- 467 lagi bersih, menggunakan penapis air.
- 468 L5 : Ok, *so* maknanya kamu dah tak rasa, dah tak mahu air tanah, ←SP65
- 469 tak mahu air klorin, tak mahu apa. Sebab kita dapat air yang
- 470 sempurna, air yang bersih. Tapi kalau DULU (.) air sungai,
- 471 air telaga, itu adalah (.) sumber air yang utama bagi mereka.
- 472 Kalau air sungai, air sungai kamu tengoklah sendiri. Macam
- 473 mana teruknya air sungai, macam itulah mereka menggunakannya
- 474 untuk kegunaan harian (.) mereka, ok.
- 475 L5 : Kamu kalau sekarang ni, saya bagi peluang perlepasan, ←SP66
- 476 pergi mandi dekat sungai::
- 477<sub>QT</sub> **Saya rasa ada yang tak nak mandi, betul tak?**
- 478 S : °Ya::
- 479 L5 : Hah, mandi!
- 480<sub>QT</sub> **Kamu sanggup tak mandi sungai?**
- 481 S : Tak::
- 482 L5 : Hah:: tak sanggup sekarang.
- 483<sub>QB</sub> L5 : **Sebab APA?** ←SP67
- 484 S : Kotor::
- 485 L5 : Kotor::! Air sungai [kotor::!]
- 486 S : [Tercemar].
- 487 L5 : Ah:: teruknya, tapi memang dulu biasa je. Air itulah yang jadi air
- 488 minuman mereka, air itulah yang jadi air teh o mereka, teh panas mereka,
- 489 Milo ais ke, kopi ke. Tapi, mereka tetap merasainya.
- 490 L5 : Ok, *so* (.) dalam rancangan, hmm, ok kita tengok Rancangan ←SP68
- 491 Malaysia Kedua pula. Eh:: Rancangan Malaya Kedua. Kalau

- 492 yang pertama tadi, dia buat bangunkan ekonomi, melalui (.)  
 493 peningkatan pendapatan dan taraf hidup rakyat. Ok, yang:::  
 494 kedua. Rancangan Malaya yang kedua. Tahun 1961 (.) hingga  
 495 1965. Hah, 1961 hingga 1965.
- 496<sub>QT</sub> L5 : **Ada yang tak datang hari ini?** ←SP69  
 497<sub>QB</sub> **Chan Ling Ling mana?**  
 498 S : °Tak tahu dia.
- 499<sub>QT</sub> L5 : **Dah lama tak datang kelas ke?**  
 500<sub>QB</sub> Ah::: **Ling Ling mana?**  
 501 S : Tak ada:::
- 502<sub>QB</sub> L5 : **Siapa tahu dia?**  
 503<sub>QT</sub> **Dennis, tak tahu?**  
 504 SC : Tak tahu.  
 505<sub>QT</sub> L5 : **Tak tahu? (.)**  
 506 Emm::: tiga minggu tak ada, sekarang tengok dia pun tak ada.
- 507 L5 : OK. *So*, dalam Rancangan Malaya Kedua (.) ok, Rancangan ←SP70  
 508 Malaya Kedua digunakan untuk meningkatkan pertumbuhan  
 509 ekonomi dan taraf hidup rakyat, melalui kepelbagaian ekonomi dan  
 510 pembangunan produk. Ah::: maknanya dalam Rancangan Malaya  
 511 Kedua, kalau tadi dia (.) tingkatkan taraf hidup rakyat dengan  
 512 sistem-sistemnya, makna bagikan keselarasan antara penduduk  
 513 luar bandar dengan penduduk di bandar. Dan sekarang ni,  
 514 dia nak tingkatkan juga, melalui hasil-hasil bumi yang ada, ok.
- 515 L5 : Kalau kita tengok, dalam ah::: sebelum ini, (.) masyarakat ni ←SP71  
 516 dia tertumpu kepada satu-satu bidang saja. Kalau dia cucuk  
 517 tanam, dia cucuk tanam je. Kalau dia ah penoreh getah, dia menoreh  
 518 getah je, ok. *So* dia tak tahulah, tak nampaklah apa yang nak buat. Nanti,  
 519 kalau penoreh getah bila dapat hasil getah, dia *just* bagi dan dia tak  
 520 tahulah macam mana nak buat, dengan susu getah ke, dengan pokok  
 521 getah ke::: dan kalau itu je pendapatan mereka getah, getah saja lah. Dan  
 522 dia tak fikir dah. Macam mana nak gunakan saluran-saluran ataupun  
 523 sumber-sumber yang lain, untuk memajukan ekonomi mereka, ok.
- 524 L5 : Jadi kerajaan dia nampak dan dia cuba mempelbagaikan ←SP72  
 525 (.) hasil-hasil tadi (.) dengan menggalakkan masyarakat  
 526 Malaysia masyarakat di Tanah Melayu untuk mempelbagaikan  
 527 sumber-sumber ekonomi. Contohnya kita tanam getah,  
 528 tanam nenas, tanam apa lagi, padi, ok.
- 529 L5 : Dan dia laksanakan kajian-kajian, dia bukan tanam, bagi ←SP73  
 530 tanam-tanam, biar je macam tu. Tapi dia melaksanakan  
 531 kajian-kajian. Contohnya dia memperkenalkan ah::: latihan-latihan  
 532 yang bersesuaian, dengan kemahiran-kemahiran yang kamu ada.
- 533 L5 : Contohnya kamu mahir dalam bidang menoreh getah, ←SP74  
 534 jadi dia latih kamu macam mana nak (.) mengeluarkan  
 535 (.) susu getah yang banyak, ok.
- 536<sub>QT</sub> **Ada orang dia pandai menoreh tapi dia tak tahu skilnya, betul tak?**  
 537 Ah, macam kamu ni yang ada di ladang-ladang *estate* ni, kamu memang  
 538 sentiasa ikut mak bapak kamu pergi ke ladang *estate* pokok-pokok getah  
 539 tengok macam mana. Tapi kita tak tahu skilnya.
- 540 L5 : Bila kita tak tahu skilnya, dia punya pendapatan akan menurun. ←SP75  
 541 Ah::: dia, kita tak tahu skil, pendapatan kita akan menurun,  
 542 tapi bila kita tahu skil, baru kita tahu. Oh rupanya, bila ada skil  
 543 ni, barulah (.) pendapatan kita boleh ditingkatkan, ok. Contohnya  
 544 menggunakan pisau yang macam mana, ok, guna elektrik ke, guna  
 545 manual ke. Sebab itulah, kerajaan dia menggubalkan dasar.  
 546 Kalau ah, penoreh getah pun dia ada skilnya, dia ada latihannya,  
 547 dan dia ada orang yang memantau. Kalau pokok macam ni, perlu



- 548 dilupuskan ke tak perlu dilupuskan. Maknanya, pokok getah pun!
- 549<sub>QT</sub> **Untuk mengeluarkan hasil, dia ada masa ataupun**
- 550 **tempoh-tempoh yang TERTEN?**
- 551 S : Tertentu.
- 552 L5 : Tertentu, ok. Tak bolehlah sampai tiga puluh tahun dah,
- 553 kita ambil hasilnya.
- 554<sub>QB</sub> **Mana dia nak mengeluarkan susu?**
- 555 ((*Pelajar-pelajar senyap*))
- 556 L5 : Ok. Kamu tengok orang tua (.) ok. ←SP76
- 557<sub>QT</sub> **Orang tua, dia dah tak ada hasilnya, betul tak?**
- 558 Dia tak dapat nak memberikan susu kepada anak-anaknya, ah,
- 559 macam mak kita dah tua, dah tahap menopause ke sebagainya,
- 560 macam itu manusia. Begitu juga dengan pokok. Pokok pun sama.
- 561 Kalau dia dah (.) hampir::: tak boleh membuat hasil dan sebagainya,
- 562 maka kerajaan, dia memperkenalkan (.) sistem-sistem yang baru.
- 563 Maknanya, tanam semula::: ok. Kita ada ladang getah ni, kita tanam
- 564 ladang getah yang lain, maknanya kita jaga getah ni, lepas tu bila (.)
- 565 getah yang ni dah tak boleh mengambil hasilnya, kita lupuskan atau
- 566 kita tebangkan pokok-pokok getah tadi.
- 567<sub>QT</sub> L5 : **Dan daripada pokok-pokok getah tadi, kita boleh** ←SP77
- 568 **mengadakan produk-produk yang lain, betul tak?**
- 569<sub>QB</sub> **Apa yang boleh kamu buat dengan pokok-pokok getah?**
- 570 ((*Pelajar-pelajar senyap*))
- 571 L5 : Ah, Hoe Meng (.) ←SP78
- 572<sub>QT</sub> **Ayah kamu jual perabot tak?**
- 573<sub>QB</sub> S : **Hah?**
- 574<sub>QT</sub> L5 : **Ayah kamu jual perabot tak?**
- 575 S : Tak. ((*tersenyum*))
- 576<sub>QT</sub> L5 : **Tak?**
- 577<sub>QB</sub> **Ayah kamu jual::: buat perniagaan apa?**
- 578 S : Sebagai::: °pengurus.
- 579<sub>QB</sub> L5 : **Hah?**
- 580 Pengurus::: Oo::: bukan ahli perniagaan.
- 581<sub>QB</sub> L5 : **Siapa kat dalam ni, ayah dia ahli perniagaan?** ←SP79
- 582<sub>QT</sub> **Perniagaan perabot?**
- 583 S : Tak ada.
- 584<sub>QT</sub> L5 : **Tak ada?**
- 585<sub>QT</sub> **Kamu ni semua bukan anak-anak ahli perniagaanlah, ya?**
- 586 L5 : Ok, *so* kamu tengok, perabot-perabot yang kamu gunakan, ←SP80
- 587 hah, yang ada kat kita semua ni, meja, ok.
- 588 Kadang-kadang kita tak tahu ini adalah hasil daripada:::
- 589<sub>QT</sub> **Kebanyakan perabot-perabot kadang-kadang diperbuat**
- 590 **daripada pokok GE?**
- 591 S : Getah.
- 592 L5 : Pokok getah! Yang ada kat rumah kamu, almari::: katil::: ok.
- 593 Kebanyakannya dihasilkan daripada pokok-pokok getah. Kalau yang
- 594 mahal-mahal tu, yang tu mahal pokok jati::: dan sebagainya.
- 595<sub>QT</sub> **Tapi kebiasaannya, pokok getah juga boleh dipelbagaikan**
- 596 **untuk membuat PERA? Perabot.**
- 597 L5 : Ok, susu, susu getah. ←SP81
- 598<sub>QB</sub> **Dengan susu getah, apa yang kita boleh buat?**
- 599<sub>QB</sub> **Tayar, apa lagi?**
- 600 ((*Pelajar-pelajar senyap*))
- 601 L5 : Ah::: Kok! Kok Seng Li (.) ←SP82
- 602<sub>QB</sub> **Getah, apa yang boleh buat dengan getah?**
- 603 S : Tayar.

- 604<sub>QB</sub> L5 : **Hah?**
- 605 S : Tayar.
- 606<sub>QB</sub> L5 : **Tayar, lagi?**
- 607 S : °Apa benda:::
- 608<sub>QT</sub> L5 : **Tayar saja kita boleh buat?**
- 609<sub>QT</sub> : **Lain-lain tak boleh buat?**
- 610 S : Boleh:::
- 611 L5 : Dekat kamu, dengan kamu, pada diri kamu sendiri. ←SP83
- 612<sub>QB</sub> : **Apa yang kamu ada, hasil daripada getah?**
- 613 S : Kasut. Kasut:::
- 614 L5 : Hah, kasut! Kamu pakai kasut tu daripada getah.
- 615 L5 : Asalnya getah tu berbau busuk. ←SP84
- 616<sub>QT</sub> : **Tapi sekarang kamu pakai, ada bau busuk tak?**
- 617<sub>QT</sub> : **Tak ada bau getah, kan?**
- 618 S : Busuk::: (xxx)
- 619 ((Pelajar-pelajar ketawa))
- 620 L5 : Ah hah, ((tersenyum)) kecuali kasut ataupun *stocking*
- 621 yang tak dibasuh, ah itulah memang berbaulah, ya.
- 622 L5 : Tapi maknanya kita pakai, kita guna, kebanyakannya ←SP85
- 623 daripada produk-produk, ataupun hasil daripada getah. Itu getah.
- 624 Maknanya getah saja, kita dah boleh gunakan dengan pelbagai
- 625 bentuk. Dapat hasil duduk rumah, senyap, ok. Dengan adanya benda-
- 626 benda macam tu, dan kerajaan membentuk kilang-kilang. Dia bagi
- 627 bantuan, kepada syarikat-syarikat. Sebab itulah dia mewujudkan Dasar
- 628 Penswastaaan, Dasar Persyarikatan. Dia bagi peluang (.) kepada (.)
- 629 masyarakat untuk membina syarikat sendiri, untuk menguruskan,
- 630 pengawasan sendiri. Kadang-kadang tidak perlu diberikan (.)
- 631 tunjuk-ajar, sebab mereka membina dan mereka menguruskan.
- 632<sub>QT</sub> L5 : **Dan dengan cara sedemikian, dia boleh membantu ←SP86**
- 633 **pertumbuhan ekonomi KERA? Kerajaan.**
- 634<sub>QT</sub> : **Kita tak terlalu bergantung kepada sumber-sumber:::**
- 635 **yang diagihkan oleh KERA? Kerajaan.**
- 636 Ok. Kalau kita terlalu bergantung kepada sumber-sumber
- 637 yang diagihkan oleh kerajaan, biasanya kalau sumber-sumber
- 638 yang diagihkan oleh kerajaan ni:::
- 639<sub>QT</sub> : **Dia ada banyak bahagian, betul tak?**
- 640 ((Pelajar-pelajar senyap))
- 641 L5 : Ah::: kamu tengok bajet, belanjawan. Hah, pembentangan ←SP87
- 642 bajet. Saya rasa bulan sepuluh ni ada pembentangan bajet, ok.
- 643 Kamu tengok macam mana sumber-sumber itu diagihkan.
- 644 Kadang-kadang dia ada::: bahagian yang dia rasa (.) perlu
- 645 dikurangkan, ada bahagian yang perlu DIPERBETUL,
- 646 diperbaharui dan sebagainya, diperbentukkan semula. Tapi
- 647 apabila dia ada dasar swasta, dasar persyarikatan, maknanya
- 648 dasar tersebut dia telah memberi peluang kepada kamu untuk
- 649 membina, mengurus, dan melaksanakan sendiri. Cuma kerajaan,
- 650 dia cuma memantau saja. Ok, bila kita pantau, dan di samping tu
- 651 dia dapat membangunkan sumber-sumber ekonomi kerajaan.
- 652 L5 : Kamu ada syarikat. ←SP88
- 653<sub>QB</sub> : **Kenapa saya katakan kita dapat membangunkan**
- 654 **sumber ekonomi kerajaan?**
- 655<sub>QB</sub> : **Kamu ada syarikat, maknanya syarikat, keuntungan**
- 656 **syarikat dan sebagainya tu, kamu perlu membayar?**
- 657 Cukai.
- 658<sub>QT</sub> : **Betul tak?**
- 659 Ah, cukai, ah::: kita kena ada, kalau ada apa ni, francais, dengan kerajaan

- 660 dan sebagainya, maknanya kita (.) ada *percentage*, yang kita (.) boleh  
661 gunakan untuk membangunkan (.) masyarakat Malaysia.
- 662 L5 : Kamu ada kemahiran, kamu gunakan kemahiran itu untuk ←SP89  
663 membantu (.) golongan-golongan yang lemah. TAK perlu bantuan  
664 daripada kerajaan, kalau kita nak tunggu kerajaan::: tiap-tiap masa.  
665<sub>QB</sub> **Hari ini pantau kawasan Perak, esok pantau kawasan (.) mana lagi?**  
666<sub>QT</sub> **Kita tak boleh mengharap, ok?**  
667 Sebab itulah dia memperkenalkan kepada kita, perancangan-perancangan  
668 dan strategi perlaksanaan. Hasilnya kita akan nampak lihat, apabila, ah:::  
669 1961, 1965, ah lima tahun lima tahun, kita nampaklah hasilnya.
- 670 L5 : Kalau yang dekat sini ada kelemahan::: ah, kita tengok. ←SP90  
671 Kelemahan ini boleh diperbetulkan, boleh diperbaiki dan macam  
672 mana kita nak memperbaiki lagi, ok. Saya dah sebut tadi. Kalau  
673 yang ini, memang ada kelemahan, sebab (.) ini adalah yang pertama,  
674 ok. Dan skop dia pun untuk meningkatkan pertumbuhan per kapita  
675 dalam hidup (.) rakyat je, maknanya dia tak merangkumi keseluruhan.  
676 Jadi dia ada kelemahan, macam ni juga. Dia tetap ada kelemahan.
- 677 L5 : Semua benda yang berlaku ni ada kelemahan. Cuma, ←SP91  
678 apabila kita melaksanakan, maka strategi, maka hasil  
679 atau pencapaian itu kita akan dapat lihat. Dan daripada  
680 hasil itulah, kita akan cari kelemahan-kelemahan.  
681<sub>QT</sub> **Dan daripada kelemahan-kelemahan itulah, kita boleh**  
682 **bentuk untuk rancangan yang SETE? Seterusnya.**  
683<sub>QT</sub> **Betul tak?**  
684 ((*Pelajar-pelajar senyap*))
- 685 L5 : Ok. Kita dah ada stragtegi, kita dah ada benda yang kita ←SP92  
686 nak laksanakan.  
687<sub>QT</sub> **Wujudnya kelemahan, itu adalah perkara yang BIA? Biasa.**  
688<sub>QB</sub> **Cuma, kita perlu mengatasinya dengan?**  
689 Rancangan-rancangan yang seterusnya. Sebab itulah kerajaan  
690 dia bajetkan lima tahun, lima tahun.
- 691<sub>QT</sub> L5 : **Ok, ada soalan? (.)** ←SP93  
692<sub>QT</sub> **Tak ada?**  
693 S : Tak ada.  
694<sub>QT</sub> L5 : **Are you sure?**  
695 S : *Sure:::sure!*
- 696 L5 : Ah::: kalau saya bagi tugasan ke, apa ke, buat kuiz, ←SP94  
697 dan nanti tak boleh jawab:::  
698<sub>QB</sub> **Maknanya, ah, maknanya apa?**  
699<sub>QB</sub> **Hah?**  
700<sub>QT</sub> **Tak faham ke tak baca?**
- 701 L5 : Ok (.) *so* dalam Rancangan Malaysia ke::: baca yang ←SP95  
702 pertama sampailah Rancangan Malaysia Kesembilan,  
703 saya nak bagi tugasan kepada kamu. Hah::: kamu cari  
704 dulu. Apa dia yang dilaksanakan, matlamat, strategi dan  
705 juga pencapaiannya. Hah::: bawa benda tu nanti kita bincang.
- 706<sub>QT</sub> L5 : **Besok ada kelas, kan?** ←SP96  
707 S : Ada, ada.  
708 L5 : Ok, kita bincang besok.
- 709 L5 : Jadi cari buku pengetahuan-pengetahuan am. Ah, kalau tak ←SP97  
710 jumpa juga, cari buku sejarah Malaysia. Ok, dekat *library*, cari.  
711<sub>QT</sub> **Ok, ada soalan?**
- 712<sub>QT</sub> S : **Cari semua?**  
713 L5 : Ah, cari semua. Bagi sikit, kamu cari sikit. Bagi banyak!  
714<sub>QT</sub> L5 : **Ok, Chong boleh?** ←SP98  
715 ((*Pelajar berkenaan mengangguk*))

716<sub>QB</sub> L5 : **Siapa lagi yang tak tandatangan lagi *attendance*?** ←SP99  
717 ((*Pelajar-pelajar senyap*))  
718 L5 : OK, dah siap boleh keluar!  
719 S : [Terima kasih]. ←SP100  
720 L5 : [Kita sambung] kelas besok. Ah, besok cari apa yang saya nak!

---

\*Nota: Struktur Pertukaran (**SP**) merupakan langkah-langkah individu dalam memajukan sesuatu pelajaran di bilik darjah. Ia terdiri daripada inisiasi, respons dan maklum balas. (lihat Sinclair & Coulthard, 1975:21-56)